

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Latar Belakang Kajian**

Pelajar atau remaja Islam merupakan aset berharga untuk memastikan kesinambungan dakwah yang berterusan. Mereka juga merupakan tulang belakang bagi sebuah bangsa dan negara dalam pembinaan sesebuah tamadun. Hancurnya sebuah peradaban bangsa dan negara terjadi apabila generasi muda telah rosak agama dan akhlak serta tidak lagi berguna bagi masyarakat.

Oleh kerana itu, mereka hendaklah diasuh, dididik, dibimbing dan dipandu dengan penuh teliti dan rapi agar golongan ini dapat menjadikan diri mereka sebagai pemangkin utama dakwah Islam untuk mengajak seluruh manusia melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w. t.<sup>1</sup>

Namun begitu, terdapat banyak halangan di sepanjang kehidupan remaja yang mana boleh menurunkan kadar proses pembangunan mereka ke arah mencapai kecemerlangan dari sudut akademik mahupun sahsiah. Halangan tersebut seperti gejala sosial, keruntuhan akhlak, meningkatnya kadar jenayah dalam masyarakat, kehancuran sistem kekeluargaan dan sebagainya. Fenomena ini terus berlaku dan ia amat membimbangkan di Malaysia.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Mohd. Nasir Jaafar dan Hj. Hamidi Abd. Hamid (1989), *Usrah Pelajar*. Kuala Lumpur: Terbitan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), h. 1.

<sup>2</sup> Syed Omar Syed Agil dan Salina Hj Zainol (1994), *Islam dan Cabaran Era Baru*, artikel Nik Mustafa Nik Hassan, ‘Krisis Manusia dalam Era Pembangunan’. Kuala Lumpur: Institut Kafahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 139.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mengenai fenomena perlakuan masalah sosial di seluruh Malaysia, terdapat peningkatan kes jenayah yang melibatkan kes-kes juvana umpamanya daripada 2480 kes pada tahun 1970 kepada 3087 kes pada tahun 1980, manakala 4012 kes pada tahun 1995 dan 5284 kes pada tahun 2000. Ini merupakan kes yang dirujuk kepada Pegawai Akhlak oleh pihak mahkamah sahaja. Ianya tidak menunjukkan kesalahan jenayah di kalangan remaja di negara ini secara keseluruhannya.<sup>3</sup>

Fenomena ini wujud antara lain disebabkan oleh proses urbanisasi dan perindustrian serta penghijrahan golongan muda dari luar bandar ke bandar, perpecahan keluarga yang semakin berleluasa dan peningkatan bilangan keluarga nuklear, keruntuhan hubungan kejiranan, peningkatan kadar penceraian atau keadaan rumah tangga yang tidak stabil, peningkatan bilangan ibu atau bapa tunggal, keadaan kedua-dua ibu bapa yang bekerja dan kanak-kanak ditinggalkan bersendirian di rumah, gaya hidup yang sibuk dan penuh dengan tekanan, pengaruh negatif dari rakan sebaya, media massa dan penerapan pola perilaku antarabangsa, penyisihan oleh peralatan elektronik seperti komputer, televisyen, telefon bimbit dan sebagainya serta peluang mendapatkan bekalan dadah dan arak dengan mudah.<sup>4</sup>

Masyarakat terutamanya para ibu bapa hendaklah prihatin terhadap anak-anak mereka apabila perangkaan menunjukkan dua peratus daripada keseluruhan lima juta pelajar sekolah di negara ini terbabit dengan kes disiplin serius dan jenayah. Ini kerana jumlah dua peratus itu cukup besar dan ia merujuk kepada 100,000 pelajar sekolah yang mampu menyebarkan pengaruh mereka dan menarik lebih ramai rakan

---

<sup>3</sup> Lai Poh Guat (2002), “Masalah Sosial di negeri Selangor dan Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat”, Kertas Kerja Seminar Menangani Masalah Jenayah Negeri Selangor 2002, anjuran Kerajaan Selangor dan INMIND 11-12 Julai 2012, Shah Alam, h. 2 .

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 1.

sebaya untuk terbabit dalam jenayah juvana jika ianya tidak dibendung dengan segera.<sup>5</sup>

Melihat kepada krasis agama dan kemanusiaan yang telah menular dalam masyarakat Islam di Malaysia, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah-masalah tersebut terutamanya yang melibatkan masalah remaja. Di antaranya ialah para pemimpin kerajaan sering memperkatakan tentang kepentingan nilai-nilai agama, rohani dan akhlak dalam pelbagai majlis dan seminar. Menubuhkan pelbagai lembaga, jabatan, yayasan, institusi dan pertubuhan bagi memenuhi tuntutan umat Islam seperti Pusat Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Bank Islam, ISTAC (Islamic Thinking and Civilization Institute; Institut Pemikiran dan Tamadun Islam), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Maktab Perguruan Islam (MPI) dan lain-lain.<sup>6</sup>

Selain pihak kerajaan, pertubuhan badan bukan kerajaan turut menjalankan aktiviti dakwah dan pemulihan dengan memainkan peranan yang amat besar dalam perkembangan dakwah Islam di Malaysia dalam usaha mewujudkan masyarakat yang terbaik dan mempunyai jati diri yang terpuji. Di antaranya yang aktif ialah Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Jamaah Islah Malaysia (JIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia

---

<sup>5</sup>[http://www.hmetro.com.my/Current\\_News/HM/Sunday/Tabib/20050911130928/Article/pp\\_index\\_html](http://www.hmetro.com.my/Current_News/HM/Sunday/Tabib/20050911130928/Article/pp_index_html).

<sup>6</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 58-59.

(PERKIM), Darul Fitrah, Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM), Saba Islamic Media Sdn. Bhd. (SIMSB) dan banyak lagi.<sup>7</sup>

Selain itu, sekolah-sekolah juga mempunyai peranan yang sangat penting sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan dan mendapatkan asuhan serta bimbingan dalam semua aspek kehidupan bagi pembentukan identiti remaja. Pusat pendidikan berperanan untuk membentuk satu masyarakat yang teguh dengan ajaran agama, bertamadun dan berakhhlak mulia.<sup>8</sup>

Pendidikan atau persekolahan bukan sekadar mempunyai peranan akademik untuk memperkembangkan keupayaan pemikiran seseorang, tetapi juga mempunyai peranan sosial dan peribadi. Pendidikan juga dapat membentuk asas-asas keperibadian seseorang individu, sama ada baik atau sebaliknya. Pengajaran dan disiplin pula dapat membentuk kematangan dalam fikiran dan tingkah laku. Ini menjadikan seseorang itu berupaya mengawal diri, bertanggungjawab, berdisiplin, beremosi sihat selari dengan norma-norma masyarakat, agama dan bangsa.<sup>9</sup>

Ilmu dan pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat yang maju dan makmur. Masyarakat yang maju, wujud dari masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan dan membuka kesedaran kepada sesuatu

<sup>7</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 257.

<sup>8</sup> Berhanundin Abdullah (2006), ‘Kaunseling Rakan Sebaya di Institusi Pengajian Tinggi’, dalam buku “*Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*”, disunting oleh Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek, Othman Hj. Talib, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 159.

<sup>9</sup> Robiah Sidin (1994), *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 32.

yang baru. Mereka juga berkeinginan untuk menguasai alam ini dan seterusnya mencapai tahap peradaban yang tinggi.<sup>10</sup>

Disebabkan begitu pentingnya peranan pendidikan dalam kehidupan manusia, Allah s.w.t. berfirman di dalam al-Quran untuk menerangkan tentang taraf kemuliaan orang berilmu yang lebih tinggi berbanding dengan orang yang tidak berilmu:

﴿أَمْنٌ هُوَ قَبِيلٌ ءاَنَاءَ الْيَلِ سَاجِدًا وَقَابِمًا تَحْذِرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ﴾

﴿قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابُ﴾



Maksudnya: “(Apakah kamu hai orang musyrik yang lebih beruntung) ataukah orang yang beribadat di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhan? Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran” .

Surah az-Zumar (39): 9.

Kesimpulannya, ilmu melalui pendidikan adalah sangat penting dalam membangunkan masyarakat. Masyarakat yang berilmu adalah teras kepada masyarakat yang gemilang dan seterusnya dapat membina peradaban yang tinggi melalui pelbagai ilmu terutama ilmu mengenai dunia dan akhirat. Jelas di sini bahawa peranan sekolah-sekolah dalam menyebarkan ilmu melalui pendidikan adalah sangat penting bagi membantu masyarakat dalam membentuk dan mengembangkan remaja Islam yang berkualiti.

<sup>10</sup> Shariful Kamaruddin (2005), *Peranan Pendidikan dalam Pertumbuhan dan Perkembangan Peradaban Melayu Zaman Penjajah*. Disetasi Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 32.

Institusi pendidikan formal seperti sekolah mampu menggerakkan dan mengumpulkan remaja Islam yang mana mereka terdiri dari pelajar-pelajar sekolah.<sup>11</sup> Menanggapi hal ini, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merupakan salah satu daripada pihak yang turut memainkan peranan penting dalam membentuk remaja Islam yang unggul dan cemerlang.<sup>12</sup> Antara program penting yang telah dilaksanakan untuk pembentukan peribadi dan sahsiah ialah program Usrah.

Tugas ini telah diamanahkan kepada Bahagian Pelajaran Islam (BPI) secara khasnya yang mana telah mewujudkan, melaksanakan dan pemantauan terhadap ‘Program Usrah’ di Sekolah-sekolah Agama Menengah (SAM) yang bertujuan untuk mencetak generasi muda Islam yang unggul dan cemerlang dalam semua aspek kehidupan di dunia dan di akhirat kelak.<sup>13</sup> Salah satu daripada sekolah tersebut yang mana menjadi skop kajian ini ialah Sekolah Agama Menengah Bestari di Subang Jaya, Selangor (SAM Bestari).

Walaubagaimanapun, permasalahan dan halangan yang wujud perlu dikenal pasti bagi mencari solusi atau jalan keluar yang terbaik supaya keberkesanan program Usrah itu mencapai objektifnya.

## 1.2. Penyataan Masalah

---

<sup>11</sup> [www.jais.net](http://www.jais.net).

<sup>12</sup> Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h. 154.

<sup>13</sup> Mohamad Zaki bin Hamid, Pegawai JAPIM negeri Selangor. Temubual pada 7 Oktober 2009.

Remaja merupakan satu golongan yang penting dalam sesebuah negara dan mereka adalah penentu masa depan sesebuah masyarakat dan negara. Pentingnya remaja bukan sahaja terletak kepada golongan mereka yang ramai dan sebagai tenaga utama di dalam proses pembangunan dan pembinaan satu bangsa, tetapi juga sangat bergantung kepada golongan remaja yang beriman, berdisiplin dan progresif.<sup>14</sup>

Bagi memberi keseimbangan dari segi pembentukan diri remaja maka perlu diadakan banyak program untuk pemantapan jasmani, rohani dan akal. Program Usrah di sekolah merupakan salah satu program yang bertujuan membentuk pembangunan rohani remaja.

Oleh itu Bnhagian Pendidikan Islam, JAIS telah mengadakan satu program kokurikulum atau program tambahan kepada pelajar-pelajar aliran agama khususnya di Sekolah Agama Menengah (SAM) di Selangor.<sup>15</sup>

Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).<sup>16</sup> Kajian ini bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat amalan program Usrah yang telah lama dilaksanakan di sekolah cemerlang ini. Selain itu ianya cuba mengenal pasti apakah terdapat masalah yang dihadapi dalam perlaksanaan program Usrah. Ianya merupakan satu program utama dalam pembentukan sahsiah dan kerohanian pelajar yang mana hanya pelajar cemerlang dan terpilih sahaja dapat belajar di sekolah ini.

---

<sup>14</sup> Samsudin A. Rahim; editor (2007), *Jelajah Belia*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPB) h. 13.

<sup>15</sup> Mohamad Zaki bin Hamid, Pegawai JAPIM negeri Selangor. Temubual pada 7 Oktober 2009.

<sup>16</sup> [http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en](http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en)

### **1.3. Objektif Kajian**

Objektif kajian merupakan suatu aspek yang sangat penting di dalam sesuatu kajian. Ianya perlu difokuskan supaya kajian itu tidak tersasar jauh. Objek kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji sejarah program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor.
2. Mengenal pasti bentuk amalan dan perjalanan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor.
3. Mengenal pasti masalah yang dihadapi ketika mengendalikan amalan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor.

### **1.4. Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangat berguna untuk meningkatkan lagi mutu perlaksanaan program usrah kepada murid Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya. Antara kepentingan kajian ini ialah:

1. Sebagai panduan dan rujukan bagi murid-murid untuk mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan Islam serta kepentingan program Usrah terhadap perkembangan pendidikan dan akhlak mereka. Selain itu sebagai sokongan dan galakan kepada mereka mengikuti program Usrah ini.
2. Bagi pihak Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya dan Bahagian Pendidikan Islam, JAIS; berguna sebagai rujukan dalam melaksanakan program usrah dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapinya dalam memantapkan lagi program Usrah yang sedang dilakukan.
3. Silibus bermutu untuk didaftarkan di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) negeri Selangor; perlunya kajian ini dibuat adalah untuk menjamin keberkesanan program Usrah yang akan dilaksanakan pada masa hadapan serta mengatasi permasalahan yang ada.
4. Model contoh untuk dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia supaya menerapkan program Usrah sebagai salah satu subjek kurikulum di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia bagi pelajar yang beragama Islam.

#### **1.4. Skop Kajian**

Setiap penyelidikan yang dibuat oleh seseorang pengkaji memerlukan kepada sasaran iaitu lokasi kajian, subjek kajian serta bahan yang hendak dikaji.<sup>17</sup> Dalam penyelidikan ini, pengkaji mencari maklumat dengan lebih terperinci dan khusus sekiranya perkara yang hendak dikaji berada dalam ruang lingkup yang khusus.

Bagi memudahkan struktur penulisan agar tidak terkeluar dari garis panduan dan lingkungan tajuk kajian, maka skop kajian ini secara umumnya memfokuskan kepada konsep program Usrah dalam pembangunan remaja. Skop lokasi kajian ini adalah Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor yang mana merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Penstrukturkan kajian ini memberikan tumpuan terhadap aspek sejarah, amalan dan perjalanan program Usrah. Pengumpulan data dan pengkajian permasalahan dalam melaksanakan program Usrah difokuskan pada tahun 2011. Subjek kajian ini adalah pelajar sekolah yang terdiri daripada naqib dan naqibah serta ahli Usrah.

Kajian ini adalah kajian lapangan yang menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data-data melalui temubual dengan responden, pemerhatian (observasi) dan dokumentasi dalam rangka penyelidikan. Dengan itu, keseluruhan data yang diperolehi berkaitan dengan program Usrah dipersembahkan melalui huraian, susunan, perbandingan fakta dan hubungan antara fakta secara terperinci bagi mengetahui secara menyeluruh dan dapat membuat kesimpulan berdasarkan objektif kajian.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd. h. 26.

<sup>18</sup> *Ibid.*

Pemilihan ini juga berdasarkan tajuk kajian pengkaji iaitu “*Amalan Program Usrah di Sekolah Agama Menengah: Kajian Kes Di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor*”. Pengkaji memberi penekanan terhadap sekolah tersebut kerana ia berkait rapat dengan permasalahan yang timbul serta pihak sekolah mempunyai kaedah penyelesaiannya yang tersendiri.

### **1.5. Kajian-kajian Lepas**

Berdasarkan hasil pembacaan dan penelitian pengkaji dalam tempoh penyelidikan ini dijalankan, masih belum dijumpai setakat ini kajian ilmiah yang berbentuk artikel, jurnal, disertasi dan tesis yang mempunyai persamaan dengan tajuk kajian ini. Walau bagaimanapun terdapat tajuk-tajuk kajian yang berkaitan dengan program Usrah secara am dan Sekolah Agama Menengah (SAM) dibincangkan di dalam buku, jurnal, kertas kerja seminar, disertasi dan latihan ilmiah. Adapun kajian-kajian yang berkaitan dengan program Usrah pelajar Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya masih belum dibincangkan di peringkat sarjana.

Sulaiman Ibrahim dalam tulisannya di dalam buku *Dakwah dan Perubahan Sosial* yang diterbitkan oleh Utusan Publication tahun 2000 bertajuk *Tarbiah Da'awiah untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimin*. Tulisan ini menjelaskan tentang makna dan ciri-ciri tarbiah al-Ikhwan yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna yang mana Usrah sebagai *wasail al-tarbiah* dijelaskan secara sepintas lalu mengenai matlamat Usrah, rukun Usrah dan lain-lain.

Tulisan ini menyimpulkan bahawa pentingnya tarbiah bagi golongan muda dan kejayaan sistemnya di seluruh bumi ini.<sup>19</sup>

Terdapat sebuah buku dalam bahasa Arab yang membincangkan konsep dan sejarah program Usrah secara terperinci yang ditulis oleh Dr. Ali Abdul Halim Mahmud yang bertajuk ‘*Wasail al-Tarbiyyah ‘Inda Ikhwan al-Muslimin*’. Beliau membahas dalam karangannya secara panjang lebar tentang kaedah atau cara-cara dan sejarah yang digunakan oleh Ikhwanul Muslimin dalam melaksanakan proses pendidikan kepada para pengikutnya secara pemeringkatan dan tahapan yang berbeza. Salah satu caranya ialah melalui program Usrah selain daripada *rehlah*, *nadwah*, *mukhayyam*, ziarah dan lain-lain lagi. Dalam buku ini menjelaskan program Usrah secara lengkap seperti definisi Usrah, sejarah Usrah, tujuan Usrah, rukun-rukun Usrah, naqib Usrah dan banyak lagi.<sup>20</sup>

Ya’qub Muhammad Hussin (2001), menulis di dalam bukunya ‘Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah. Beliau membahagikan buku ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkisar tentang memahami dan menghayati ciri-ciri Usrah yang berjaya. Juga disentuh mengenai anasir yang menjayakan Usrah, peranan naqib, manhaj Usrah (kandungan), kaedah perlaksanaan Usrah, adab-adab Usrah, sifat dan tanggungjawab ahli usrah, sukanan Usrah pelbagai peringkat dan faktor kelemahan Usrah. Manakala bahagian kedua pula lebih berkaitan konsep dan ciri-ciri harakah Islamiyah. Turut dibincangkan beberapa kategori jama’ah masa kini dan tuntutan mengenali jama’ah.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Sulaiman Ibrahim (2000), *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

<sup>20</sup> Ali Abdul Halim Mahmud (2005), *Perangkat-perangkat Tarbiyyah Ikhwanul Muslimin*. Wahid Ahmadi (terj.) Solo: Era Intermedia.

<sup>21</sup> Ya’qub Muhammad Hussin, (2001) *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Idris Ahmad (2005),<sup>22</sup> di dalam bukunya ‘Panduan Usrah dan Gerakan Islam’ menyentuh tentang definisi Usrah, rukun Usrah, ciri Naqib yang dinamik, bentuk perbincangan dalam Usrah, panduan perlaksanaan Usrah, adab-adab Usrah, kesan perlaksanaan Usrah, ciri-ciri harakah Islamiyah dan matlamat jama’ah Islam. Dikupas juga tentang aktiviti luar Usrah, seperti lawatan dan ziarah ke tempat bersejarah, kilang milik penganut Islam, para ulama haraki yang bertaqwah, rehlah, aktiviti riadah dan banyak lagi.

Pada peringkat pengkajian disertasi sarjana, terdapat sebuah disertasi Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya tahun 2000 yang berkaitan dengan Sekolah-sekolah Agama Menengah, ditulis oleh Mohamad Rabeh bin Abdullah yang bertajuk “*Penilaian Perlaksanaan Kurikulum al-Azhar di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Selangor*”.<sup>23</sup> Disertasi tersebut mengkaji perlaksanaan kurikulum al-Azhar dan perlaksanaan program Usrah.

Amir Hamzah bin Abdul dalam kertas projek penyelidikan Sarjana Sains Universiti Putra Malaysia menulis tajuk “*Analisis Keperluan Latihan Naqib dan Naqibah ke arah Keberkesanan Program Usrah di Maktab Perguruan Islam*” tahun 1996.<sup>24</sup> Tajuk yang dibincangkan ini sekalipun hampir sama dengan tajuk kajian pengkaji ini, tetapi aspek kajiannya adalah tentang keberkesanan program mentor iaitu keperluan latihan naqib dan naqibah kepada pelatih di Maktab Perguruan Islam yang mengikuti kursus asas pengurusan dengan menggunakan analisa kuantitatif. Manakala pengkaji pula mengkaji secara kualitatif keperluan latihan untuk pelajar-pelajar sekolah di Sekolah Agama Menengah dari tingkatan satu hingga lima yang mana terdapat keperluan yang berbeza juga perbezaan perkataan tajuk dan lokasi.

<sup>22</sup> Idris Ahmad (2005), *Panduan Usrah dan Gerakan Islam*, Kuala Lumpur: Sarjana Media.

<sup>23</sup> Mohamad Rabeh bin Abdullah (2000), *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum al-Azhar di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Selangor*. Disertasi Sarjana Universiti Malaya.

<sup>24</sup> Amir Hamzah bin Abdul (1996), *Analisis Keperluan Latihan Naqib dan Naqibah ke arah Keberkesanan Program Usrah di Maktab Perguruan Islam*. Kertas projek penyelidikan Sarjana Sains Universiti Putra Malaysia.

Terdapat tiga kajian berbentuk latihan ilmiah yang mengkaji berkaitan program Usrah yang terdapat di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Secara konsep dan teori kajian-kajian yang hampir sama dengan pengkaji, tetapi kurang lengkap disebabkan sekadar latihan ilmiah dan objektif kajian yang berbeza dengan kajian pengkaji. Pengkaji-pengkaji kajian tersebut juga telah mencadangkan supaya kajian lebih terperinci diadakan. Tiga latihan ilmiah tersebut iaitu;

- a. Madiha binti Mustafar, Bahagian Pengajian Usuluddin, sesi 1997/ 1998 berjudul *Usrah sebagai Pendekatan Kaunseling Kelompok*.<sup>25</sup> Latihan ilmiah ini menganalisa mengenai perbandingan antara Usrah dan kaunseling kelompok. Ianya mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Terdapat banyak persamaan iaitu matlamat, peringkat-peringkat yang hampir sama, antara perbezaannya ialah masa perjumpaan, tempat perjumpaan, keahlian dan kepimpinan. Kesimpulannya ialah Usrah boleh juga merupakan satu pendekatan kaunseling kelompok malah peranannya lebih besar daripada peranan kaunseling kelompok. Ia tidak hanya membantu ahli-ahli dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi tetapi juga menolong mengukuhkan jiwa dan ketahanan diri individu itu supaya mereka dapat membina keperibadian, personaliti serta akhlak yang tinggi dan unggul berlandas syariat yang sebenarnya.
- b. Khairiah binti Abdullah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, sesi 2000/ 2001 berjudul *Aktiviti Usrah: Satu Kajian di kalangan Pelajar-pelajar di*

---

<sup>25</sup> Madiha binti Mustafar (1998), *Usrah sebagai Pendekatan Kaunseling Kelompok*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*Universiti Malaya.*<sup>26</sup> Kajian ini merumuskan bahawa program Usrah merupakan salah satu *wasilah* utama dalam mentarbiyah umat Islam terutamanya para pelajar. Tanpa melalui kaedah ini, keberkesanan penerapan Islam di kalangan golongan muda mudi yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelajar tidak akan tercapai. Terjadilah gejala sosial remaja di dalam masyarakat. Kajian ini juga mendapati keberkesanan perjalanan Usrah di kalangan pelajar bukan sahaja bergantung kepada komitmen mereka, bahkan para naqib juga memainkan peranan penting ke arah menggerakkan Usrah agar berjalan dengan baik. Kerjasama antara kedua-dua belah pihak perlu bagi menjamin agar Usrah berjalan sebagaimana yang dirancang dan diatur. Kesimpulan daripada pengkajian ini, secara keseluruhan merumuskan bahawa perlaksanaan dan perjalanan aktiviti Usrah di Universiti Malaya ke atas para pelajar adalah masih berada di tahap yang kurang memuaskan dan belum mencapai matlamat yang diharapkan. Kajian ini dijelaskan berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada golongan sasaran.

- c. Siti Khairiah binti Parmin, Jabatan al-Quran dan Hadis, sesi 2001/ 2002, judul; *Al Naqib dalam al Quran: Kajian terhadap perlaksanaan Usrah Persatuan Mahasiswa Islam, UM.*<sup>27</sup> Kajian ini fokus kepada surah *al Maidah* ayat 12 secara pembahasan yang kurang luas dan pengolahan konsep al-naqib itu yang tidak menyeluruh dan lengkap, kerana cuma membahas satu ayat. Kajian bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan berkenaan dengan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *al naqib* di dalam al-Quran iaitu surah *al Maidah* ayat 12 dan bagaimanakah sepatutnya dilaksanakan

<sup>26</sup> Khairiah binti Abdullah (2001), *Aktiviti Usrah: Satu Kajian di kalangan Pelajar-pelajar di Universiti Malaya*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>27</sup> Siti Khairiah binti Parmin (2002), *Al Naqib dalam al Quran: Kajian terhadap perlaksanaan Usrah Persatuan Mahasiswa Islam, UM*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

sebagaimana yang telah dicatatkan dalam sirah Rasulullah s.a.w. Kajian ini mengkaji pelaksanaannya di zaman ini terutama sekali terhadap perlaksanaan Usrah di Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya. Kajian ini berdasarkan kepada soal selidik dan juga surah *al Maidah* ayat 12. Dalam penutup kajian ini, secara keseluruhannya mendapati masih lagi terdapat kelemahan-kelemahan yang mesti diperbaiki. Ini menjadikan perlaksanaan Usrah kurang berkesan. Walau bagaimanpun, ada naqib yang menjalankan tugas dengan baik.

Hasil daripada pengamatan dan pembacaan setakat ini, pengkaji dapati tidak ada kajian yang khusus telah dibuat oleh para penulis sebelum ini seperti yang diutarakan oleh pengkaji. Diharapkan melalui kajian ini, ia dapat memberikan manfaat kepada mana-mana pihak terutama pihak Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya dalam memantapkan lagi perlaksanaan dan peranan Usrah dalam pembangunan insan.

### **1.7. Metodologi Kajian**

Metodologi menurut Kamus Dewan bermaksud “*sistem yang merangkumi kaedah atau prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin*”.<sup>28</sup> Penyelidikan pula membawa erti sesuatu perbuatan seperti penyusunan, penelitian, tafahus, pemeriksaan dan selainnya. Ia merupakan satu kajian yang menyeluruh secara berperancangan atau sistematik dari mula hingga selesai laporannya bagi

---

<sup>28</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: DBP, h. 1030.

mendapatkan sesuatu hasil yang betul-betul sempurna dan boleh dijadikan sebagai rujukan.<sup>29</sup>

Secara asasnya, metodologi penyelidikan membawa maksud sesuatu tatacara yang diingini oleh setiap individu untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang baru dan berbeza sekali dengan penemuan ilmu secara kebetulan atau spontan. Penyelidikan ini dilakukan mengikut langkah yang teratur khas untuk mengeluarkan maklumat-maklumat yang terbaru pada masa kini.<sup>30</sup>

Rumusannya, metode adalah suatu perkara yang dirancang dari awal sehingga yang terakhir dalam sesuatu kajian. Metode juga bertujuan untuk mengembangkan dan memperluaskan lagi pengetahuan dan juga ingin menghasilkan sesuatu yang baru berdasarkan hipotesis penyelidikan beserta latar belakang tajuk disertasi yang dipilih.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan terhadap sesuatu objek boleh dibuat secara berterusan tetapi hendaklah berbeza dari segi subjeknya. Ini supaya dapat memperlihatkan perbezaannya. Namun, dalam kajian ini, terdapat 3 metode iaitu Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data dan Metode Penganalisisan Data. Pengkaji akan menghuraikan metode-metode ini dengan lebih terperinci berdasarkan pemakaianya di dalam bab-bab tertentu.

---

<sup>29</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd. h. 10.

<sup>30</sup> Jalaluddin Rakhmat (2005), *Metode Penelitian Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.h. 6.

### **1.7.1 Metode Penentuan Subjek**

Metode Penentuan Subjek adalah untuk menentukan subjek kajian yang terlibat dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data bagi sesuatu penyelidikan. Ia digunakan berdasarkan keluasan sesuatu persoalan yang dikaji.

Selain itu juga, metode ini perlu dititikberatkan dan amat penting dalam sesuatu kajian kerana dengan metode ini, pengkaji dapat menentukan sesuatu perkara atau isu yang ingin dikaji. Di dalam hal ini, secara tidak langsung pengkaji dapat menjalankan kajian berdasarkan pengkhususan yang telah dibuat tanpa menyentuh perkara yang tidak relevan dan tidak sepatutnya dengan kajian.<sup>31</sup>

Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapat implikasi dalam penentuan subjek bagi kajian yang dijalankan dengan hanya mengkhususkan subjek kepada cara dan kaedah yang perlu diberi penekanan dalam program Usrah oleh pihak Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor dalam pembangunan insan.

### **1.7.2 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data adalah kaedah mengumpulkan maklumat dan data kajian agar metode yang relevan dapat menghasilkan maklumat yang tepat dan baik untuk memecahkan persoalan kajian. Metode yang digunakan dalam pengkajian ini adalah secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan melalui sumber-sumber tertentu.<sup>32</sup> Terdapat dua bentuk kajian yang digunakan untuk mendapatkan

---

<sup>31</sup> Sulaiman Masri (2005), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal tesis)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.h. 38.

<sup>32</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajaran Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd. h. 68.

sumber data di dalam penyelidikan ini. Data-data tersebut diperolehi melalui dua sumber, iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan sebagaimana berikut:

#### **1.7.2.1 Kajian Perpustakaan (*Library Research*)**

Kajian perpustakaan bermaksud sesuatu kajian yang dibuat oleh pengkaji daripada sumber-sumber tulisan seperti buku, tesis, disertasi, kertas persidangan, jurnal, dokumen peribadi dan mikro filem yang mana terdapat dalam simpanan atau himpunan buku-buku dan bahan bacaan yang lain seperti majalah, akhbar, risalah, manuskrip dan sebagainya.<sup>33</sup> Perpustakaan merupakan satu bangunan atau bilik yang mengandungi dan memuatkan bahan-bahan rujukan dan sebahagian besar daripadanya meliputi bahan yang bersifat akademik.

Dokumentasi ialah suatu cara penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubung dengan kajian yang dilakukan.<sup>34</sup> Pengkaji telah mengambil takrif atau pengertian, konsep dan cara penyelesaian daripada kepelbagaiannya bagi memudahkan perjalanan kajian dan juga supaya segala pengertian atau maksud suatu tajuk penyelidikan adalah benar dan sahih kerana perkara tersebut tidak mempunyai ruang lingkup yang boleh diandaikan dan juga terhad kepada sesuatu pengetahuan yang ilmiah. Tujuannya supaya penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji memberi impak yang besar dan memberangsangkan serta signifikan yang tepat.

---

<sup>33</sup> Lexy J. Moleong (2004), *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.h. 113.

<sup>34</sup> Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 17.

Melalui metode ini, pengkaji juga dapat mengumpulkan data-data yang dikehendaki dengan sempurna sepanjang penyelidikan dilakukan. Antara dokumen-dokumen yang dirujuk oleh pengkaji termasuklah kertas-kertas kerja persidangan, buku-buku, surat khabar, laman web site yang berkaitan, jurnal-jurnal, kertas projek, disertasi, tesis dan sebagainya. Fokus utama metode ini ialah tinjauan kajian lepas atau olahan karya berdasarkan kajian-kajian terdahulu mengenai program Usrah. Selain itu, pengkaji juga telah mengunjungi beberapa buah perpustakan bagi mendapatkan data-data atau sumber-sumber yang sahih rujukannya sebagai bahan rujukan kepada tajuk disertasi yang ingin dikaji. Di antaranya perpustakaan yang pernah dikunjungi untuk mencari data-data yang diperlukan ialah:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
3. Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya
4. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
5. Perpustakaan Negara Malaysia
6. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
7. Perpustakaan Utama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8. Perpustakaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

9. Dokumen-dokumen yang terdapat di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) negeri Selangor, Bahagian Pendidikan Islam JAIS serta di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor.

Metode ini merupakan metode yang penting dan sebahagian besar daripada data dapat diperolehi daripada kepelbagaian bahan yang diberi, terutamanya untuk melengkapkan data-data di dalam bab satu dan dua.

#### **1.7.2.2 Kajian Lapangan (*Field Research*)**

Dalam merangka kajian lapangan ini, pengkaji menjalankan kajian secara langsung terhadap program Usrah di SAM Bestari bagi memperolehi data dan maklumat yang dikehendaki. Bagi tujuan mendapatkan objek yang dipilih untuk diteliti sebagai bahan kajian, berikut adalah beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan bahan kajian:

##### **a. Kaedah Temubual**

Metode temubual ialah salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara langsung atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya.<sup>35</sup>

Selain itu, metode temubual atau wawancara bermaksud mendapatkan keterangan atau pendapat secara lisan daripada responden dengan cara berhadapan. Pengkaji mendapati maklumat yang diperolehi daripada

---

<sup>35</sup> Koentjaraningrat (1997), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, h. 162.

responden adalah penting kerana maklumat tersebut adalah benar. Melalui maklumat ini, pengkaji akan memperoleh maklumat yang lebih mantap dan memperkuatkan hujah yang ada. Ini juga membantu pengkaji berkomunikasi dengan baik di samping menimba ilmu dan pengalaman baru.

Kaedah temu bual digunakan dalam kajian ini kerana ia mempunyai beberapa kelebihan. Temubual adalah proses pengumpulan data yang memerlukan daya interaksi dua pihak iaitu penyoal dan penjawab.<sup>36</sup> Teknik temubual tidak berstruktur digunakan bagi mendapatkan maklumat penting bagi kajian ini.

Dalam metode temubual ini, pengkaji telah menemu bual beberapa orang informan yang terdiri daripada guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor yang terlibat dengan program Usrah.

Pengkaji melakukan sesi temubual dengan dua cara iaitu temubual formal dan temubual tidak formal. Temubual formal dijalankan dengan menetapkan tarikh, tempat, masa serta tempoh tertentu bagi menjalankan temubual tersebut. Pengkaji akan menyediakan beberapa soalan yang berkaitan sebelum sesi wawancara dimulakan. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menemubual pegawai Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta guru besar dan guru-guru di Sekolah Agama Menengah Bestari.

---

<sup>36</sup> Amir Awang (1984), *Pengantar Bimbining dan Kaunseling di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. h. 10.

Manakala temubual secara tidak formal dijalankan dengan cara menyoal dan berbual secara tidak langsung dengan informan yang dipilih. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menemubual nuqaba dan ahli usrah yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang terlibat dengan program Usrah.

Sehubungan dengan itu, antara perkara-perkara yang mesti dilihat dan diperhatikan ketika temubual adalah seperti gerak-geri, arah pandangan, ekspresi muka, kelajuan bercakap, hentian dalam percakapan, intonasi dan sebagainya. Ini bertujuan bagi menilai sejauh manakah kesahihan maklumat yang diberi oleh informan atau responden. Metode ini akan digunakan di dalam bab tiga dan empat.

Berikut adalah beberapa temubual yang telah dijalankan:

- i. Temubual dengan Ustaz Solekhan bin Roup, Penolong Pengarah Pendidikan, Unit Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007.
- ii. Temubual dengan Puan Hjh. Saadah binti Bahruddin, Pengetua Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.
- iii. Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR dan guru Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

iv. Temubual dengan Ustaz Mohamad Zaki bin Hamid, Pegawai Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Negeri Selangor (JAPIM) pada 13 Februari 2009.

v. Temubual dengan Khairul Ikhwan bin Abd. Rahim, Naqib Usrah dari Tingkatan 5 Al-Jabar, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

vi. Temubual dengan Muhd Akmal Fathi bin Mohamad Asri, Naqib Usrah dari Tingkatan 5 Ibn Sina, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

vii. Temubual dengan Muhammad Syukri bin Hasmer Sham, Naqib Usrah dari tingkatan 5 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

vii.Temubual dengan Wan Saera Najwa binti Wan Samsudin dari tingkatan 5 Al-Kindi Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

vii. Temubual dengan Khaulah binti Norazam daripada tingkatan 4 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

ix. Temubual dengan Hanis Amalina binti Ismail daripada tingkatan 5 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

x. Temubual dengan Muhammad Farhan bin Muhamad Hasany, pelajar Tingkatan 2 pada 13 April 2011.

xi. Temubual dengan Akmal bin Badrul Din, pelajar Tingkatan 2 pada 13 April 2011.

### **b. Kaedah Observasi**

Kaedah observasi bermaksud pengamatan atau pemerhatian.<sup>37</sup> Ia merupakan satu cara pengumpulan data dengan mengkaji secara langsung terhadap aspek-aspek subjeknya di mana tujuan penyelidikan yang dilakukan dapat dirahsiakan. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang saling melengkapi di antara data hasil dari metode ini dengan data hasil daripada metode-metode lain.<sup>38</sup>

Pengkaji menggunakan metode ini untuk menambahkan maklumat dengan membuat pemerhatian secara rawak terhadap program Usrah di SAM Bestari yang dilaksanakan pada Rabu malam dan Jumaat malam. Tujuannya untuk membantu memantapkan maklumat yang diperolehi. Kaedah yang dilakukan oleh pengkaji dengan menyertai program Usrah yang dijalankan

---

<sup>37</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd. h. 74.

<sup>38</sup> J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan, Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 67-68

pada waktu malam di SAM Bestari dan melakukan observasi secara menyeluruh atau *full circle observation*. Fokus utama observasi adalah untuk mengamati bentuk perlaksanaan program, isi kandungan program, dan pendekatan penyampaian isi dalam program yang dijalankan serta mengetahui bentuk perlaksanaan yang diterapkan.

### **1.7.3 Metode Analisa Data**

Setelah selesai proses terakhir pengkaji dalam pengumpulan data, kerja-kerja mengolah dan menganalisis data pula perlu dilakukan. Bagi tujuan tersebut, pengkaji menggunakan metode analisis diskriptif-kualitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenal pasti sesuai dengan keperluan kajian yang dijualankan.<sup>39</sup> Dalam hal itu, pelbagai bukti akan dikemukakan oleh pengkaji berdasarkan kajian yang dijalankan dan juga memastikan ketepatan dan kesahihan terhadap apa yang telah dikaji.

Analisis yang dimaksudkan ialah seperti struktur sesuatu bahan, juzuk atau sebagainya yang ada kaitan dan boleh digunakan tanpa ragu-ragu. Metode penganalisan data ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Metode Induktif, Metode Deduktif dan Metode Komparatif.

---

<sup>39</sup> Jalaluddin Rakhmat (2005), *Metode Penelitian Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.h.26.

### **1.7.3.1        Metode Induktif**

Metode induktif merupakan satu proses logik yang memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.<sup>40</sup> Ia juga bermaksud sebagai satu cara atau pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai dalil yang bersifat umum.<sup>41</sup>

Pengkaji banyak menggunakan metode ini dalam menghuraikan definisi tajuk, menganalisis data di dalam bab dua dan tiga serta membentangkan hasil laporan penyelidikan sekaligus kesimpulan dalam bab empat.

### **1.7.3.2        Metode Deduktif**

Metode deduktif ini bermaksud cara menganalisa dan melakukan pengkajian berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan dalil-dalil umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang spesifik. Ia bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang bersifat khusus.<sup>42</sup>

Sehubungan dengan itu, metode ini juga berbeza dengan metode induktif kerana ia lebih menekankan cara menganalisis data dan cara membuat pengkajian berdasarkan bukti dengan menganalisis data-data yang bersifat umum bagi menghasilkan data yang bersifat khusus.

---

<sup>40</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Malaysia: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd. h. 18.

<sup>41</sup> Koentjaraningrat (1997), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia. h.137.

<sup>42</sup> Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 19.

Penggunaan metode ini dapat dilihat pada bahagian kajian lapangan, iaitu temu bual yang dibuat menerusi responden, hasil pemerhatian dan dokumentasi. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan metode ini untuk membuktikan kebenaran teori atau kaedah yang digunakan dalam perolehan maklumat untuk penyelidikan. Metode ini digunakan dalam bab dua, tiga dan empat.

### **1.7.3.3           Metode Komparatif**

Metode ini adalah satu cara untuk membuat kesimpulan hasil daripada sumber-sumber, bahan-bahan atau data-data yang diperolehi.<sup>43</sup> Contohnya mengenai pandangan dan pendapat pengkaji tentang punca-punca yang menyebabkan terjadi permasalahan di dalam program Usrah. Di samping menganalisa dan membezakan statistik kes kajian yang direkodkan, metode ini akan digunakan di dalam bab tiga.

---

<sup>43</sup> Lexy J. Moleong (2004), *op.cit.*, h. 207.

## **BAB DUA**

### **KONSEP DAN TEORI USRAH**

#### **2.1. Pendahuluan**

Islam sangat memberi penekanan terhadap kesatuan atau ikatan perpaduan penganutnya. Kesatuan atau ikatan ini dinamakan Usrah. Melalui Usrah kita dapat memimpin umat Islam ke arah contoh-contoh terpuji di samping menguatkan ikatan yang sedia ada. Selain itu, tahap *ukhuwwah* di antara sesama anggota boleh ditingkatkan, iaitu dengan merealisasikan teori dalam perbuatan dan amalan. Oleh itu, kita hendaklah memandang berat perkara ini dan bersedia untuk menjadi batu bata yang sihat lagi berguna kepada bangunan keluarga bentukan yang mulia ini iaitu keluarga Islam. Kesilapan memahami fungsi dan matlamat Usrah menyebabkan perjalanan Usrah menjadi lesu dan tidak bermaya serta tidak memberi apa-apa kesan pada peribadi dan juga pergerakan jamaah.<sup>44</sup>

Program Usrah boleh dilaksanakan pada peringkat kanak-kanak, pelajar, remaja, mahasiswa dan orang dewasa menggunakan metode yang sesuaian dengan umur mereka. Dalam bab ini pengkaji berusaha menjelaskan secara umum dan sepintas lalu mengenai definisi, sejarah, rukun, matlamat Usrah, kaedah perlaksanaan aktiviti Usrah, peranan dan tanggungjawab naqib dan naqibah, ciri-ciri naqib dan naqibah yang berkesan dan Usrah sebagai suatu program pembangunan insan.

---

<sup>44</sup> Hassan al-Banna (2003), *Himpunan Risalah Imam Hasan Al-Banna; Edisi Bahasa Melayu*, Salehah bin Ayub (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.h. 543.

## 2.2. Definisi Usrah

Usrah dari sudut bahasa bermaksud keluarga. Menurut istilah Usrah dapat didefinisikan sebagai benteng daripada kecinciran di medan dakwah, binaan daripada binaan dakwah, medan untuk meningkatkan individu, latihan sifat keikhlasan dan platform untuk meningkatkan hubungan. Program Usrah merupakan batu bata pertama dalam pembinaan dan pembentukan organisasi tarbiah.<sup>45</sup>

Usrah juga merupakan asas bagi pembinaan individu dan menjadi *wasilah* tarbiah paling penting dalam mendidik individu dengan tarbiah yang sempurna, kerana ia merupakan wasilah paling berkesan dan paling berjaya dalam melengkapkan ahli dengan kualiti dan *syurut*. Usrah juga merupakan unit terpenting dalam organisasi kerana merangkumi pembentukan seluruh aspek keperibadian individu. Usrah membentuk keperibadian Islam dalam diri individu sehingga ia menjadi ahli yang memiliki sifat-sifat yang dikehendaki oleh al-Quran dan al-Sunnah.<sup>46</sup>

Banyak contoh yang telah dinukilkhan di dalam sirah nabawiyah mengenai kekuatan persaudaraan (*ukhuwwah*) iaitu suatu sifat yang sangat dititikberatkan dalam program Usrah. Salah satunya kisah dalam peperangan Tabuk. Inilah pertama kali umat Islam kalah ditangan musuh. Dalam peperangan ini diceritakan seorang sahabat hendak diberi minum air, ketika hendak diberikan air, beliau terdengar seorang sahabat yang lain meminta air. Jadi belum pun sempat, sahabat yang hendak diberikan air ini minum, sahabat tadi menyuruh sahabat yang membawa air pergi

---

<sup>45</sup> Kertas kerja Konsep Tarbiyah dan Perlaksanaannya dalam Gerakan Islam: Satu Pengenalan Ringkas; Jemaah Islah Malaysia (JIM).

<sup>46</sup> *Ibid.*

kepada yang meminta air. Kemudian ketika sahabat ini hendak meminum air yang dibawa, beliau terdengar seorang lagi meminta air. Beliau juga membatalkan niat untuk meminum air, lalu menyuruh pembawa air pergi memberi minum kepada sahabat yang meminta air. Sehingga ketiga-tiga sahabat tadi syahid dalam peperangan ini tanpa seorang pun dapat meneguk air walau setitik. Inilah hasil dari ukhuwwah itu sendiri, dapat membentuk sifat berlapang dada dan mengutamakan sahabat lebih dari diri sendiri.

Islam sangat memandang berat pembentukan ikatan perpaduan antara penganut-penganutnya, ikatan ini dinamakan Usrah. Dengan terbentuknya Usrah seperti ini dapatlah orang Islam dipimpin ke arah contoh-contoh amalan yang baik serta terpuji dan dapat pula memperkuatkan ikatan mereka, malah dapat juga mempertingkatkan mutu persaudaraan dan ukhuwwah Islamiyyah di kalangan mereka daripada tingkatan percakapan biasa kepada pandangan teori kepada perbuatan dan amalan.<sup>47</sup>

Usrah merupakan *wasilah* yang penting dalam usaha pembinaan jamaah kerana di dalam Usrah dapat disempurnakan pembinaan individu muslim yang memiliki aqidah yang betul, ibadah yang sah dan juga akhlak yang sempurna. Beliau juga mengatakan bahawa Usrah merangkumi dua keadaan, keadaan sebagai halaqah ilmu pengetahuan dan keadaan sebagai halaqah tarbiah iaitu mengetahui sesuatu dan mengamalkan apa yang diketahui. Di dalam Usrah juga wujud sebatian roh bekerjasama, persefahaman, bantu membantu di antara sesama anggota Usrah dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah yang timbul.<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (2011), *Usrah Siri 1; Menjana Mahasiswa Muttaqi*. Bangi: KUIS. h. 2

<sup>48</sup> *Ibid.* h. 3.

Ali Abdul Halim Mahmud, salah seorang ulama Al-Azhar dalam bukunya *Wasail al-Tarbiyyah ‘Inda Ikhwan al-Muslimin* memberi definisi tentang Usrah secara bahasa dan sosiologi bahawa Usrah sebagai satu wadah pergerakan. Usrah dapat dikatakan sebagai perisai perlindungan yang kukuh bagi setiap anggotanya. Manakala dari segi keanggotaan pula, ia seperti keluarga dan kaum kerabat. Usrah juga merupakan kumpulan yang terikat oleh kepentingan yang sama, iaitu; bekerja, mendidik, dan mempersiapkan kekuatan untuk Islam. Usrah menjadikan setiap anggotanya menjadi lebih kuat kerana bersama-sama dengan anggota yang lain. Selain itu Usrah juga mengharuskan anggotanya membayar yuran untuk kelak digunakan bagi kepentingan Usrah, pergerakan dan Islam.<sup>49</sup>

Manakala Idris Ahmad dalam bukunya *Panduan Usrah* menyatakan Usrah berasal dari kalimah Arab yang bermaksud keluarga. Rapatnya hubungan antara anggota Usrah menyebabkan kadang-kadang hubungan sesama anggota Usrah adalah lebih akrab daripada hubungan saudara sekeluarga. Dari segi istilah pula ia bermaksud kumpulan individu-individu Islam yang beriman kepada Allah s.w.t., yang berusaha tolol menolong antara satu sama lain untuk memahami dan menghayati Islam.<sup>50</sup>

Ahmad Syalabi berpendapat bahawa Usrah sebagai keluarga hasil dari pembentukan ikatan perpaduan penganut-penganutnya yang beragama Islam dan ikatan ini dipimpin ke arah kebaikan dan kemulian yang tinggi serta diperkuatkan lagi ikatan-ikatan ini supaya mutu persaudaraan atau *Ukhuwwah Islamiyyah* di kalangan mereka dapat dipertingkatkan. Bagi memperkuatkan persaudaraan Islam,

<sup>49</sup> Ali Abdul Halim Mahmud (2005), *Perangkat-perangkat Tarbiyah Ihkwanul Muslimin*. Wahid Ahmadi (terj.) Solo: Era Intermedia, h. 126.

<sup>50</sup> Idris Ahmad (2005), *Panduan Usrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Media, h. 1.

Rasulullah s.a.w. semasa di Madinah telah melaksanakan sistem *al-Mu'akhat* iaitu mempersaudarakan kaum Muhajirin dengan kaum Ansar. Tujuannya adalah untuk mengintegrasikan umat di atas persefahaman Islam dan mengatasi masalah ekonomi dikalangan penganut-penganut Islam.<sup>51</sup>

Ya'qub Muhammad Hussin pula memberi takrif Usrah dalam konteks Harakah Islamiyah bahawa Usrah bukanlah bermakna keluarga dalam pengertian yang sempit dan terbatas kepada ikatan kelompok tertentu. Sebaliknya Usrah yang dimaksudkan adalah keluarga yang diikat dengan ikatan yang lebih kukuh dan lebih khusus. Ikatan yang mengatasi sempadan bangsa dan keturunan. Itulah ikatan akidah, yang merupakan ikatan yang paling bersih dan paling mulia, kerana akidah ialah yang menjadi kayu ukur bagi menentukan kebenaran sesuatu sistem dan matlamat hidup manusia.<sup>52</sup>

Manakala Sulaiman Ibrahim dalam jurnalnya berjudul ‘*Tarbiah Da'awiah untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimin*’ mendefinisikan Usrah sebagai sekumpulan orang yang beriman dengan agama Islam yang saling bantu-membantu antara mereka untuk memahami agama dan beramal dengannya.<sup>53</sup>

Merujuk kepada definisi Usrah di atas, maka dapat disimpulkan bahawa Usrah merupakan suatu sistem yang digunakan untuk mempelajari dan mendalami agama Islam melalui belajar secara berkumpulan di mana mereka ini diumpamakan seperti anggota keluarga yang akrab dan mempunyai suatu matlamat yang sama.

<sup>51</sup> Ahmad Syalabi, (1980), *Mausu'at Nuzumi wa al-Hadarati al-Islamiyyah, Mujtama' al-Islami*. Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, jilid; 6, h. 85.

<sup>52</sup> Ya'qub Muhammad Hussin, (2001), *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 11.

<sup>53</sup> Sulaiman Ibrahim (2000), *Tarbiah Da'awiah untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimin*’ dalam buku *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 75.

Bahkan ia bukan sahaja terbatas ketika sedang belajar agama tetapi juga di segenap kehidupan lain untuk saling tolong-menolong dalam semua hal.

### **2.3. Sejarah Usrah**

Rasulullah s.a.w. ditugaskan untuk menyebarkan Islam dan membimbing manusia ke jalan yang benar, membetulkan akidah, membaiki akhlak serta mengubah nilai-nilai jahiliyah kepada nilai-nilai Islam yang diridai Allah s.w.t. Ini kerana sebelum kedatangan Islam ke negara Arab. Orang-orang Arab Jahiliyyah hidup dalam keadaan yang penuh dengan kegelapan. Mereka mengamalkan kepercayaan syirik dan penyembahan tuhan-tuhan palsu. Selain itu orang-orang kaya mengamalkan sikap menindas golongan yang miskin. Mereka telah lupa ajaran yang dibawa Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Begitu juga dengan ajaran Nabi Musa dan Nabi Isa. Mereka telah mencampur-adukkan ajaran Allah dan Rasul dengan ajaran yang lain.

Perjuangan Nabi s.a.w. pada peringkat awal dapat dibahagikan kepada dua zaman iaitu zaman Makkah dan zaman Madinah. Secara umumnya, sejarah Rasulullah s.a.w. telah membuktikan bahawa metode yang terbaik dalam berdakwah seperti secara tersembunyi dan terbuka, menyampaikan Islam secara *ta'alim* dan nasihat, *tahaluf* dan sebagainya. *Wasilah* yang telah digunakan antaranya ialah mengadakan majlis makan malam di rumahnya, berkumpul di *Dar al-Arqam* yang lebih dikenali sebagai Usrah dan sebagainya. Pada waktu ini, Rasulullah s.a.w. berperanan mendidik kaum kerabat dan para sahabat.<sup>54</sup>

---

<sup>54</sup> Afzalur Rahman, (1992), *Ensiklopedia Sirah, Sunnah, Dakwah dan Islam*. Zaharah Salleh (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, jld. 1, h. 31.

Di zaman Rasulullah tidak wujud istilah Usrah. Akan tetapi pada zaman sekarang ia dikenali sebagai Usrah kerana kita melihat kepada dakwah Rasulullah s.a.w. dengan mengumpulkan sekumpulan penganut atau pengikut Islam dalam beberapa kelompok kecil. Langkah ini bertujuan untuk memudahkan Baginda s.a.w. mendidik dan mengajarkan Islam kepada mereka yang baru memeluk Islam.

Pembentukaan Usrah yang pertama dilakukan di Darul Arqam, rumah Arqam bin Abi Arqam yang dijadikan pusat kegiatan Islam. Manakala pendapat fuqaha' versi yang lain mendefinisikan al-Arqam jika diterjemahkan menjadi anu atau tidak diketahui (*unknown*) tetapi al-Arqam itu merujuk kepada orang-orang yang berkenaan pada zaman Mekah. Di rumah tersebut, Rasulullah s.a.w. mengumpulkan para sahabat dan mengajarkan setiap ayat al-Quran yang baru diturunkan. Menyuruh mereka menghafal dan memberi huraian dengan jelas. Ia bertujuan memberi kefahaman yang jelas kepada para sahabat tentang maksud sesuatu ayat yang diturunkan dan memudahkan para sahabat dan umat Islam mengamalkan setiap ayat yang telah mereka pelajari dalam ibadat dan kehidupan sehari-hari.<sup>55</sup>

Rasulullah s.a.w. juga menekankan pembinaan akidah yang teguh supaya pengertian iman benar-benar kukuh dalam jiwa para sahabat. Ini sekaligus menjadikan para sahabat memahami tuntutan keimanan dan dapat menjauhkan diri dari segala bentuk Jahiliyah dalam diri mereka.<sup>56</sup>

Oleh kerana besarnya peranan akhlak yang tinggi, Rasulullah s.a.w. telah melaksanakan program pembinaan akhlak yang berterusan melalui contoh-contoh sifat mulia nabi-nabi terdahulu yang diceritakan di dalam al-Quran, *qudwah hasanah*

---

<sup>55</sup> Abu Urwah, (1990), *Risalah Usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, j. 3, Bahagian iii, h. 72.

<sup>56</sup> *Ibid.*, Jilid: iv, h. 52.

Rasulullah s.a.w. sendiri, tunjuk ajar, nasihat dan sebagainya. Ini dapat memberikan keteguhan peribadi dan memantapkan keimanan mereka.<sup>57</sup>

*Pentarbiyah* secara kelompok yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di Darul Arqam sangat berkesan. Ia memudahkan penyampaian serta dapat memastikan keseragaman pemahaman diterima. Bentuk pendidikan sebegini dapat mempercepatkan lagi penyebaran Islam di kalangan orang Arab masa itu.

Bermula daripada golongan awal inilah, Islam mula berkembang daripada individu sehingga menjadi dua orang, menjadi empat orang, menjadi enam orang, menjadi lapan orang dan seterusnya bertambah kepada satu bilangan yang di luar jangkaan.<sup>58</sup>

Namun begitu setelah zaman berganti zaman, umat Islam mulai lemah. Banyak faktor yang membawa kepada kelemahan umat Islam ini. Antaranya berlaku pemisahan kepemimpinan agama dan politik dalam negara Islam. Pemerintah lebih mementingkan kuasa dan mencuaikan kepentingan agama serta sanggup melakukan apa sahaja demi mengekalkan kuasa yang ada pada mereka walaupun dengan menindas rakyat, merampas harta benda mereka, membunuh orang-orang yang menentang termasuk ulama-ulama.<sup>59</sup>

Pada masa yang sama, kawasan pemerintahan Islam semakin luas tetapi kurang mendapat perhatian dari kalangan pemerintah. Semangat untuk melaksanakan dakwah dan jihad di kalangan sebahagian besar umat Islam telah luntur. Apabila

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 52

<sup>58</sup> Hussein bin Muhsin Ali Jabir (1986), *Membentuk Jama'atul Muslimin*. Abu Fahmi H. Safari Rahmat Ilmuddin (terj.), Jakarta, h. 151.

<sup>59</sup> Abu Urwah, *Op. Cit.*, j. 3, bhg. 1, h. 42.

keadaan seperti ini berlaku ramai umat Islam yang menjadi fasik dan murtad. Mereka lebih mementingkan diri sendiri daripada agama Islam, seterusnya umat dan negara Islam menjadi terus lemah dan mudah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat baik dari segi pemikiran juga kekuasaan wilayah. Pada masa itu banyak wilayah-wilayah Islam telah jatuh ke tangan kuasa penjajah Barat.<sup>60</sup>

Setelah umat Islam dijajah oleh kuasa-kuasa penjajah Barat, lahirlah beberapa gerakan Islam yang berjuang untuk mengembalikan semula maruah dan kedaulatan Islam seperti gerakan al-Sanusiah di Libya yang dipimpin oleh Muhammad ibnu Ali al Sanusi (1787-1859),<sup>61</sup> gerakan Islam di Sudan yang dipimpin oleh Muhammad Ahmad al-Mahdi (1884-1885) yang akhirnya berjaya menegakkan pemerintahan Islam di sana.<sup>62</sup> Imam Hasan al-Banna telah mengasaskan gerakan Ikhwan al-Muslimin pada 1928.<sup>63</sup> Gerakan ini merupakan sebuah gerakan yang paling berpengaruh di sekitar permulaan abad ke 20.

Malah gerakan ini telah kembali melaksanakan sistem Usrah yang berasaskan sistem *naqib al nuqaba'* seperti yang diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk mengembangkan, memperkuatkan gerakan dan perpaduan ummah yang amat penting pada waktu itu. Pada ketika itu gerakan ini berjaya membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat Mesir dalam usaha menentang arus sekularisme dan pembaratan. Usrah bukanlah perancangan dari Ikhwan al-Muslimin, tetapi merupakan kesinambungan dari usaha yang pernah diwujudkan pada masa pertama dakwah Islam di rumah Arqam bin Abi Arqam di kota Makkah.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 62.

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> Hasan al-Banna (1987), *Risalah Ta 'alim*. Mohamad Daud Ali al-Iraqi (terj.) , Kedah: Pustaka Aman Press , h. 9.

Dalam hal ini, Usrah bukanlah karya kreatif dari Ikhwanul Muslimin, tetapi asal kewujudannya berasal dari Islam yang telah muncul di awal penyebaran agama ini tatkala Rasulullah s.a.w. dan para sahabat-sahabat menggunakan rumah sahabat Arqam bin Abi Arqam di Makkah sebagai tempat pertemuan rutin. Kisah masuknya Umar bin Khathab juga menyifakan hal yang sama, bahawa sesungguhnya kediaman Arqam bin Abi Arqam bukanlah tempat satu-satunya tempat pertemuan yang digunakan oleh para sahabat yang mengikuti agama yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. secara sembunyi-sembunyi. Dari kisah ini, kita mengetahui bagaimana Khabbab bin al-Aratt belajar membaca al-Quran dari saudara perempuan Umar bin Khathab dan suaminya.<sup>64</sup>

Berdasarkan catatan sejarah di atas dapat dipastikan bahawa sistem Usrah merupakan satu sunnah yang telah dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w. Ianya bukan hak atau amalan satu kelompok sahaja tetapi bersifat universal. Ianya telah terbukti dalam melahirkan insan-insan yang masyhur seperti para sahabat Baginda s.a.w. dan tokoh pergerakan Islam seperti Hasan al-Banna dan banyak lagi.

Di Malaysia sendiri, sistem Usrah telah lama diguna pakai oleh organisasi seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia(IKRAM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Parti Islam Malaysia (PAS) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Hatta di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kolej Universiti Islam Antarangsa Selangor (KUIS), Usrah merupakan subjek wajib diambil. Manakala Usrah juga banyak dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah. Acara Usrah di televisyen seperti di TV9 setiap hari Jumaat dan banyak lagi yang menjadikan Usrah sebagai salah satu cara secara rasmi atau tidak untuk

---

<sup>64</sup> Taufik Yusuf al-Wa'iy (2006), *Al-Quduratul Adz-Dhihniyatul Wadz Dzatiyatu lil Murabbi Wa-Da'iyyati*. Syarifuddin Ridwan (terj.), Jakarta: Al-I'tishom Cahaya Umat, h. 39.

mendalami agama Islam dan melaksanakan kehidupan berjemaah sebagaimana yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

## 2.4. Rukun Usrah

Islam mengambil berat soal pembentukan keluarga di kalangan sesama umat Islam. Islam membimbing mereka ke arah kedudukan yang tinggi. Islam mengeratkan tahap persaudaraan mereka daripada hanya pada tahap teori ke tahap amali. Oleh itu, kita haruslah berusaha menjadi sebahagian daripada batu-bata yang baik dalam binaan Islam ini.<sup>65</sup>

Hasan al-Banna pernah menulis sebuah risalah yang bertajuk *Nizhamul Usrah*. Beliau memfokuskan pembicaraan pada rukun-rukun Usrah. Dalam mukadimah beliau menuturkan, “Islam sangat menganjurkan pembentukan ‘keluarga’ dari para pemeluknya, yang mengarahkan mereka menuju keteladanan tertinggi, mengukuhkan ikatan persatuannya, mengangkat persaudaraan mereka dari tingkatan kata-kata dan teori menuju kerja dan perlaksanaannya. Oleh kerana itu, maka berusahalah agar boleh menjadi batu bata yang baik bagi bangunan Islam ini”. Ikatan Usrah ini memiliki 3 rukun. Peliharalah dan bersungguh-sungguhlah untuk mewujudkannya, agar hal ini tidak menjadi beban yang kering tanpa ruh.<sup>66</sup>

Menurut perspektif Hasan al-Banna, beliau telah menggariskan rukun-rukun Usrah kepada tiga bahagian, rukun pertama ialah berkenalan (*taaruf*) iaitu berkenalan dan berkasih sayang dengan semangat cinta kepada Allah s.w.t. dan berusaha

---

<sup>65</sup>Hassan al-Banna (2003), *Himpunan Risalah Imam Hasan Al-Banna*. Salehah bin Ayub (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 543.

<sup>66</sup> Ali Abdul Halim Mahmud (1990), *op.cit.*, h. 154.

menghindarkan sebarang kekeruhan yang merenggangkan persahabatan. Rukun yang kedua ialah bersefahaman (*tafahum*) iaitu bersefahaman dalam memahami Islam dan menghayatinya. Rukun yang ketiga ialah bantu-membantu (*takaful*) iaitu bekerjasama dalam amal makruf dan nahi mungkar, bersama-sama menggalakkan kebaikan dan bersama-sama menjauhkan kemungkaran.<sup>67</sup> Sulaiman Ibrahim juga dalam jurnalnya membincangkan perspektif pemikiran Hasan al-Banna mengenai 3 rukun utama Usrah tersebut.<sup>68</sup>

Dalam buku Panduan Usrah tulisan Idris Ahmad pula menyatakan hal yang sama iaitu terdapat 3 rukun dalam Usrah iaitu *Taaruf*, *Tafahum* dan *Takaful*. Beliau menjelaskan bahawa proses *taaruf* ini hendaklah berlaku daripada kedua belah pihak, saling memberi dan menerima. Apabila pengenalan telah berputik maka ia akan menghasilkan sesuatu yang baik dalam pergaulan. Manakala rukun kedua iaitu *tafahum* pula, beliau menjelaskan persefahaman ini penting kerana ikatan tidak akan dapat dibentuk sekiranya tidak ada persefahaman yang mantap di kalangan anggota. Apabila persefahaman ini wujud, maka amalan nasihat-menasihati akan menjadi perkara yang senang dan baik untuk diamalkan. Apabila persefahaman terpaut sesama anggota maka ia akan membawa kasih sayang antara mereka. Perasaan syak wasangka hilang, perasaan hasad dengki terhindar. Rukun *tafahum* ini berkait rapat dengan ukhuwwah, kerana ukhuwwah tidak dapat dilaksanakan kecuali sudah ada persefahaman di kalangan mereka. Rukun *tafahum* pula merupakan tunjangan iman dan intipati ukhuwwah sejati. Sekiranya ada saudara seperjuangan yang terlantar sakit atau mendapat kesusahan, mereka tidak harus diabaikan dan ditinggalkan tanpa berita.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup> Hasan al Banna, (t.th) *Risalah al-ta'lim Wa al-Usar*. Kaherah: Dar al-Nashar Li al-Thibaah al-Islamiah, h. 29.

<sup>68</sup> Sulaiman Ibrahim (2000), *op.cit.*, h. 78.

<sup>69</sup> Idris Ahmad (2005), *op.cit.*, h. 5.

Manakala Ya'qub Muhammad Hussin pula menjelaskan hal yang sama iaitu terdapat 3 rukun Usrah iaitu *taaruf*, *tafahum* dan *takaful*. Beliau mengambilnya dari garis panduan dan wasiat dari Hassan Al-Banna. Ditekan di sini bahawa jika rukun-rukun ini dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya nescaya kumpulan Usrah berkenaan menjadi kuat dan kukuh. Diibaratkan sama seperti amal ibadah yang lain, di mana sesuatu ibadah itu akan menjadi rosak atau sia-sia apabila syarat rukunnya tidak dipatuhi atau pun ditinggalkan sama sekali.<sup>70</sup>

Daripada ulasan beberapa pengkaji buku tentang Usrah di atas, menunjukkan semuanya sama pendapat bahawa sistem Usrah ini mempunyai tiga rukun iaitu *taaruf*, *tafahum* dan *takaful*. Ianya berpandukan kepada al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. yang mana kesemuanya terdapat didalamnya. Kemudian ketiga rukun tersebut disusun semula oleh Hasan al-Banna dalam bukunya yang bertajuk *Nizhamul Usar*. Ketiga rukun ini haruslah bersamaan dalam perlaksanaannya, juga bukan hanya sekadar teori semata, jika salah satu tidak ada maka keberhasilan tidak dapat dicapai secara maksima seperti yang diharapkan. Ianya harus sedaya upaya direalisasikan supaya hubungan ini wujud bukan sekadar kerana suatu arahan sebaliknya ada roh di sebalik perlaksanaannya.

## 2.5. Matlamat Usrah

Sesuai dengan kedudukan Usrah sebagai medium pendidikan untuk melahirkan modal insan yang gemilang, terbilang dan berkualiti, serta mampu melaksanakan

---

<sup>70</sup> Ya'qub Muhammad Hussin, (2001), *op.cit.*, h. 16.

tugasan dakwah dengan cemerlang, Usrah mempunyai beberapa matlamat umum dan juga matlamat khusus. Matlamat umum ialah:

1. Membentuk peribadi muslim secara seimbang serta mengeratkan hubungan antara anggota-anggota jamaah daripada aspek sosial dan tanzim juga meningkatkan kesedaran Islam.
2. Menjana unsur-unsur kebaikan dan *al-solah* dan membasmi unsur-unsur negatif dan sifat tidak bertanggungjawab terhadap Islam pada diri anggota.
3. Memperdalamkan kefahaman terhadap dakwah dan harakah serta terhadap *tanzim* dan aspek-aspek pengurusan.<sup>71</sup>

Sementara matlamat-matlamat khusus pula, yang ingin dicapai di kalangan anggota jemaah melalui Usrah merangkumi matlamat-matlamat di peringkat individu, rumah tangga, masyarakat dan jamaah.<sup>72</sup>

Ali Abdul Halim Mahmud pula menyatakan tujuan umum sistem Usrah:

1. Membentuk keperibadian muslim seutuhnya yang sanggup untuk menjawab semua tuntutan agama dan kehidupan.
2. Mengukuhkan ikatan antara sesama anggota Usrah, baik secara sosial ataupun dalam organisasi.

---

<sup>71</sup> Sulaiman Ibrahim (2000), *op.cit.*, h. 75.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 76.

3. Memperdalam kefahaman dakwah dan harakah dalam diri seorang muslim.

Ini kerana agama Islam menuntut untuk menjadi pendakwah dan aktivis di jalan agama ini sesuai dengan kemampuannya.<sup>73</sup>

Selain tujuan-tujuan umumnya, Usrah juga memilki tujuan-tujuan khusus. Tujuan ini memiliki berbagai macam, ada yang berkaitan dengan individu, keluarga, masyarakat juga jamaah itu sendiri.<sup>74</sup>

Manakala dalam buku Panduan Usrah karangan Idris Ahmad, beliau menyatakan beberapa tujuan Usrah iaitu:

1. Mendidik hati para anggota untuk menjadi manusia yang taat kepada Allah s.w.t. berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.
2. Mengiltizamkan anggota dengan akhlak al-Quran supaya dapat mematuhi perintah dan larangan Allah s.w.t. serta menjadikan Rasul dan sahabat sebagai ikutan dalam kehidupan sehari-hari.
3. Membentuk peribadi muslim dan keluarga muslim serta masyarakat muslim yang ikhlas kepada Allah s.w.t. dalam setiap amalan, merapatkan ukhuwwah dan kasih sayang di antara mereka melalui budaya nasihat-menasihati, sistem komunikasi yang baik dan menanamkan semangat cintakan agama Allah swt serta meningkatkan motivasi ahli yang menyertai Usrah.

---

<sup>73</sup> Ali Abdul Halim Mahmud (1990), *op.cit.*, h. 125.

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 130.

4. Dapat menguji bakat dan kebolehan anggota masing-masing serta dapat memahami sifat-sifat peribadi anggota dengan lebih dekat, seperti pemarah, pemurah, penakut, gopoh, lembab dan sebagainya untuk mengubah ke arah yang positif dan manfaat untuk semua.<sup>75</sup>

Ya'qub Muhammmad Hussin pula menyatakan majlis-majlis Usrah yang diadakan secara berterusan mempunyai tujuan-tujuan yang lebih khusus dari majlis-majlis yang lain. Antara tujuan-tujuan utama Usrah ialah;

1. Memberi kefahaman yang benar dan jelas terhadap Tasawwur Islam kepada anggota supaya dapat menentukan sikap atau hukum terhadap sesuatu perkara atau permasalahan.
2. Menggiat dan menyelaras usaha untuk mempelajari selok-belok perjuangan dakwah dari pengalaman gerakan-gerakan Islam seluruh dunia serta memastikan bahawa anggota tidak dimasuki oleh pemikiran yang sumbang atau musuh.
3. Mendidik, memupuk bakat serta mengeluarkan aktivis-aktivis yang benar-benar mampu dan teguh pendirian serta sihat tubuh badan, sempurna dalam pemahaman ilmu serta akhlak.
4. Meningkatkan penghayatan amal Islami dan menghidupkan rasa tanggungjawab untuk menjaga dan mempertahankan kemuliaan dan ketinggian ajaran Islam sama ada secara peribadi (fardi) atau berjamaah

---

<sup>75</sup> Idris Ahmad (2005), *op.cit.* h. 2

(jamai) juga menjalin dan mengukuhkan ikatan ukhuwwah dan persaudaraan serta memupuk semangat dan bekerja secara berjemaah.<sup>76</sup>

Melihat kepada matlamat-matlamat yang telah digariskan untuk sistem Usrah tersebut, jelaslah kepada kita bagaimana besarnya penekanan yang diberikan dalam proses pembinaan insan-insan yang mengikuti program Usrah berteraskan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w.

## **2.6. Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Usrah**

Kaedah atau cara-cara pengendalian Usrah merupakan satu dari anasir utama yang menyumbang kepada kejayaan Usrah. Perlu ditegaskan bahawa majlis Usrah bukanlah satu majlis ilmu mengikut pengertian biasa difahami. Ia merupakan gabungan majlis ilmu, kerohanian, pemupuk bakat dan interaksi sesama anggota itu sendiri. Oleh yang demikian kaedah perjalanan majlis Usrah juga, dari beberapa sudut perlu berbeza dengan majlis ilmu yang biasa. Antara ciri-cirinya ialah:

1. Selain dari menyampaikan beberapa pengajaran, sama ada ilmu atau maklumat, mestilah dipastikan supaya majlis Usrah tidak menjadi majlis sehala, yang berjalan tanpa reaksi dan interaksi di antara naqib dan anggota-anggota Usrah.
2. Dalam memenuhi selera dan adunan latar belakang yang berbeza kebijaksanaan naqib sangatlah diperlukan supaya bahan-bahan dan cara penyampaian semasa Usrah bersesuaian dan mudah diterima oleh anggota-

---

<sup>76</sup> Ya'qub Muhammad Hussin (2001), *op.cit.*, h. 15.

anggota Usrahnya. Juga tidak membiarkan majlis Usrahnya menjadi majlis bergurau senda yang berlebih-lebihan, berjenaka atau gelak-ketawa yang menghilangkan wibawa majlis ilmu dan kerohanian.

3. Perlu dipastikan supaya naqib menyampaikan ilmu dan bimbingan dalam keadaan anggota-anggota dapat merasai suasana persaudaraan (ukhuwwah) yang mengikat hati-hati mereka. Para naqib hendaklah berhati-hati supaya ia (secara sedar atau sebaliknya) tidak meminggirkan individu tertentu dari Usrahnya.
4. Keberkesanan Usrah juga bergantung kepada minat dan tumpuan. Oleh itu, jangka waktu Usrah mesti dijaga oleh naqib supaya tidak terlalu panjang sehingga menimbulkan suasana yang menjemuhan.
5. Para naqib juga hendaklah memperuntukkan sedikit ruang waktu di dalam Usrah untuk bermuhasabah di kalangan ahli-ahli sama ada dalam persoalan ibadah, fikrah, peribadi, keluarga mahupun jemaah.<sup>77</sup>

Paduan perlaksanaan Usrah:<sup>78</sup>

|                                       |                       |
|---------------------------------------|-----------------------|
| 1. Al-Quran atau hadis                | 20 minit              |
| 2. Perbincangan bahan Usrah           | 45 minit              |
| 3. Isu-isu semasa/ perkara berbangkit | 15 minit              |
| 4. Muhasabah                          | 10 minit              |
| <b>Jumlah</b>                         | <b>1 jam 30 minit</b> |

<sup>77</sup> Ya'qub Muhammmad Hussin (2001), *op.cit.*, h. 41.

<sup>78</sup> Idris Ahmad (2005), *op.cit.* h. 16.

Idris Ahmad menjelaskan tentang jadual di atas:

1. Untuk peringkat permulaan, naqib sepatutnya memperbetulkan bacaan tajwid Surah al-Fatiha ahli-ahli Usrah, kerana ia adalah asas dalam solat.
2. Waktu Usrah boleh dimulakan dengan solat Isyak berjemaah di tempat Usrah.
3. Pastikan Usrah tidak habis sehingga larut malam kerana ini akan mengganggu ketenteraman ahli dan jiran tetangga.
4. Pastikan kumpulan Usrah tidak melebihi 12 orang. Ini adalah bilangan yang ideal.<sup>79</sup>

Ali Abdul Halim Mahmud menjelaskan isi kandungan program Usrah Ikhwanul Muslimin pada tahap awal iaitu:

1. Perbaikan bacaan al-Quran dan penguasaan hukum-hukum tajwid, di mana masing-masing anggota diharuskan membaca dan tidak hanya mendengar sahaja.
2. Menghafalkan sebahagian ayat-ayat dan surah-surah al-Quran.
3. Memberikan penjelasan dan penafsiran yang memadai terhadap ayat-ayat dan surah-surah al-Quran di atas.

---

<sup>79</sup> Ibid.

4. Menghafalkan sebahagian dari hadis-hadis Nabi s.a.w. dan memberikan penjelasannya.
5. Pebaikan dari segi akidah dan ibadah, serta pengenalan hikmah-hikmah pensyariatan dan etika-etika umum dalam Islam.
6. Mengkaji sirah nabawiyah dan tentang sejarah Islam dan perjalanan hidup salafus shalih untuk dijadikan teladan dalam kehidupan dan kerohanian.
7. Melatih anggota yang berbakat untuk berkhutbah dan berdakwah secara keilmuan dengan menghafal isi-isi dakwah, serta mereka ditugaskan untuk berusaha mengajar dan berceramah dilingkungan mereka.<sup>80</sup>

Kesimpulan dari bahagian ini adalah Usrah merupakan majlis ilmu yang menitik beratkan dari segi kefahaman tentang Islam secara keseluruhan seperti aspek akidah, ilmu al-Quran dan hadis Nabi s.a.w., sirah nabawiah serta perlu menitik beratkan beberapa etika dalam Usrah yang telah dijelaskan di atas supaya ia tidak rosak menjadi majlis senda gurau dan majlis ilmu yang kurang berkesan. Ianya hendaklah dimulakan dengan membaca al-Fatihah dan puji-pujian kepada Allah s.w.t. serta selawat kepada Nabi s.a.w. dan diakhiri dengan muhasabah serta doa penutup majlis.

---

<sup>80</sup> Ali Abdul Halim Mahmud (1990), *op.cit.*, h. 170.

## **2.7. Peranan dan Tanggungjawab Naqib dan Naqibah**

Naqib ialah seorang yang diamanahkan untuk memimpin sesuatu kumpulan Usrah. Naqib adalah lelaki dan naqibah pula perempuan dan nuqaba adalah jamak dalam bahasa Arab.<sup>81</sup> Naqib merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan keberhasilan sesuatu Usrah ke arah mencapai kejayaan tarbiah yang cemerlang. Oleh yang demikian ia hendaklah memimpin dan mendidik ahli-ahli Usrah dengan rasa penuh tanggungjawab. Ia mestilah merasakan bahawa dirinya sentiasa berada di bawah pengawasan Allah s.w.t. Oleh itu para nuqaba hendaklah berusaha membina diri mereka dengan segala sifat-sifat yang terpuji serta memiliki ciri-ciri yang dapat membantunya melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin.<sup>82</sup>

Seorang naqib atau naqibah adalah pemegang amanah dalam agenda pendidikan. Oleh itu ia hendaklah senantiasa menyedari bahawa tanggungjawab berikut berada di bawah tanggungjawabnya:

1. Sentiasa menyedari bahawa ia adalah pemimpin dan pendidik kepada kumpulan Usrah berkenaan. Oleh itu ia menjadi contoh kepada ahli Usrahnya dalam semua segi.
  
2. Bertanggungjawab menyalurkan ilmu dan mendidik anggota Usrah dalam agama serta memastikan kandungan Usrah yang disampaikan menepati kehendak anggota dan disampaikan secara bijaksana.

---

<sup>81</sup> Ya'qub Muhammad Hussin (2001), *op.cit.*, h. 25.

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 26.

3. Senantiasa menggalakkan *mahabbah* dan ukhuwwah di kalangan ahli Usrah serta mengingati dan menggalakkan ahli Usrah supaya memperelokkan amal-ibadah yang wajib dan yang sunat juga mempunyai semangat pengorbanan, kerja-kerja dan amal Islam sesuai dengan bakat dan kebolehannya.
4. Senantisa mengikuti perkembangan anak-anak buahnya untuk mengungkil dan meningkatkan bakat mereka. Selain itu tidak membiarkan mereka dalam keadaan susah terlantar menanggung penderitaan dan kepayaan bersendirian. Ia hendak segera berusaha membantu mereka.
5. Mewujudkan sebuah tabung Usrah untuk digunakan bila kecemasan atau keadaaan mendesak. Mereka juga hendaklah mempunyai sebuah buku catatan khas, untuk menulis perkara berkaitan Usrah seperti tajuk yang ingin disampaikan juga biodata ahli Usrahnya. Mereka juga harus membuat persediaan sebelum ke majlis Usrah, seperti menyediakan isi kandungan Usrah dan lain-lain hal.
6. Bertanggungjawab mengawasi agar setiap anggota Usrah menjaga dan mematuhi adab-adab Usrah, agar ianya berjalan lancar dan sempurna. Selain itu ia hendaklah menggalakkan anak-anak Usrahnya menuju Usrah baru, sekiranya menurut penilaian mereka layak dan berkemampuan.<sup>83</sup>

Kemampuan naqib dan naqibah perlu juga dilihat daripada beberapa sudut, antaranya adalah:

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 31.

## 1. Menghayati roh Amal Islami

Sudut ini menekankan agar setiap naqib dan naqibah beramal dengan tuntutan-tuntutan ibadah tambahan yakni melakukan solat sunat, tilawah al-Quran, mengingati Allah, mengingati mati, puasa sunat, infaq di jalan Allah dan sentiasa bermujahadah kepada Allah. Para nuqaba hendaklah sentiasa bertingkah laku seperti seorang pendakwah dan sering menjalankan tugas-tugas *amar ma'ruf nahi mungkar* secara berterusan. Selain itu, para nuqaba hendaklah sentiasa berusaha menghidupkan suasana berjamaah di kalangan ahli usrah yang lain. Oleh yang demikian naqib dan naqibah seharusnya memberi peluang kepada ahli kumpulan menggunakan potensi dan bakat yang telah sedia ada.

## 2. Mempunyai penguasaan terhadap ilmu

Kemampuan para pentarbiyah Usrah sama seperti kemampuan pendakwah iaitu hendaklah memiliki ilmu pengetahuan yang sempurna dan mempunyai strategi di dalam mencatur fikiran manusia. Mereka seharusnya berusaha meningkatkan ilmu dan sentiasa cintakan ilmu agar ia dapat menjiwai roh amal Islami yang dituntut oleh al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu para nuqaba hendaklah sentiasa cuba meningkatkan diri dalam menuntut bidang-bidang ilmu dakwah seperti al-Quran dan al-Sunnah, ilmu fiqh, tarikh, fiqh harakah, fiqh kemanusiaan dan pengurusan. Para nuqaba seharusnya sedaya upaya mewujudkan suasana ilmu, iman dan amal di kalangan ahli usrah. Oleh yang demikian para nuqaba perlu mempersiapkan diri mereka dengan iman dan ilmu agar ahli-ahli Usrah dapat mengagumi diri naqib dan naqibah

seterusnya memberi dorongan ke arah amal dan menjadikan ahli-ahli Usrah merasakan betapa pentingnya menjayakan dakwah dan tarbiah.

### 3. Berkemampuan untuk memimpin dan mengurus kumpulan

Aspek ini menekankan agar para nuqaba dapat meningkatkan kemahiran kepimpinan dan seterusnya dapat mempengaruhi ahli-ahli Usrah ke arah kehidupan secara berjamaah (komuniti/kolektif), membina kemunikasi berkesan antara ahli-ahli Usrah dalam melakukan sesuatu perkara. Setiap nuqaba hendaklah mendisiplinkan diri mereka dengan masa, memastikan hadir pada waktunya serta dapat menunjukkan peningkatan diri serta kawalan terhadap prestasi perjalanan usrah dan juga program-program tarbiah yang lain. Para nuqaba hendaklah memastikan bahawa setiap program dapat dijalankan dengan teratur dan sistematik. Maka perangcangan awal amat perlu dititikberatkan.

Dapat disimpulkan di sini bahawa bagi menjalankan tarbiah Usrah bukanlah satu perkara yang boleh diambil mudah. Setiap perkara yang dijalankan dalam tarbiah Usrah hendaklah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Perkara yang dibincangkan semestilah tidak lari dan membincangkan tentang ketuhanan, akhlak yang mulia, pembentukan sahsiah dan juga perkara-perkara yang berunsurkan nasihat-menasihati. Oleh yang demikian para nuqaba perlu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang baik di samping persediaan mental dan kejiwaan. Maka kita dapat rasakan pentingnya faktor nuqaba dalam kejayaan sebuah Usrah itu dalam mencapai matlamat-matlamatnya. Selain itu untuk membentuk seorang naqib yang cemerlang, tentunya mereka ini memerlukan latihan-latihan yang

sesuai dengan matlamat Usrah tersebut. Dalam bab seterusnya kita akan membincangkan tentang tajuk ini.

## 2.8. Ciri-ciri Naqib dan Naqibah yang berkesan

Seperti yang disimpulkan di atas tentang pentingnya peranan naqib dalam sesebuah Usrah, mari kita lihat pula bagaimana ciri-ciri naqib dan naqibah yang berkesan.

Idris Ahmad ada menjelaskan tentang sifat-sifat atau ciri-ciri naqib dan naqibah yang dinamik, antaranya; *al-fahmu*, iman yang mendalam, benar, sabar, rahmat, tawaduk, pemurah dan suka menolong.<sup>84</sup>

Hal yang hampir sama juga dikemukakan oleh Ya'qub Muhammad Hussin selain menambah naqib dan naqibah haruslah bersifat amanah, keikhlasan yang tinggi, beramal dengan ilmu, mengenal jiwa, menjauhi segala larangan Allah s.w.t. dan maksiat, muhasabah dan bermujahadah.<sup>85</sup>

Sulaiman Ibrahim menambah bahawa salah satu ciri naqib dan naqibah yang amat ditekankan juga ialah ciri *tafkir* atau pemikiran. Ia bermaksud melatih para naqib agar sentiasa berfikir setaraf atau setahap dengan ketinggian taraf tugasannya dakwah yang maha tinggi, dan meletakkan gambaran jelas tentang matlamat yang mahu dicapai, selaras dengan matlamat yang digariskan oleh garis panduan strategi tarbawi. Dengan lain ungkapan, dia hendaklah memiliki suatu pemikiran yang objektif.<sup>86</sup>

---

<sup>84</sup> Idris Ahmad (2005), *op.cit.* h. 7.

<sup>85</sup> Ya'qub Muhammmad Hussin (2001), *op.cit.*, h. 26.

<sup>86</sup> Sulaiman Ibrahim (2000), *op.cit.*, h. 73.

Secara keseluruhannya, setiap nuqaba haruslah memiliki sifat-sifat dan ciri-ciri yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. berlandaskan agama Islam. Untuk memastikan hal tersebut, tentunya mereka ini perlu dilatih atau didedahkan kepada sifat-sifat mulia Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Jika hal ini tidak ditekankan, maka naqib tersebut hanya menjalankan tanggungjawab rutin sahaja tanpa dapat melaksanakan matlamat Usrah tersebut. Hal ini memerlukan suatu latihan yang berterusan dan sesuai untuk mereka.

## **2.9. Usrah sebagai Program Pembangunan Insan**

Merujuk kepada perbincangan sebelum ini, dapat kita simpulkan bahawa Usrah merupakan salah satu sistem pendidikan Islam yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. Ianya meliputi semua aspek yang bermatlamat untuk memahami dan mengamalkan segala bentuk perintah Allah s.w.t.

Sulaiman Ibrahim pula memberi kesimpulan bahawa tarbiah ialah satu bahagian yang amat penting dalam *Jemaah al-Ikhwan al-Muslimin*. Matlamat utama dalam tarbiah ialah membina insan kader-kader dakwah dan para anggotanya. *Tarbiah daawiah* yang mantap telah membuktikan kepada sejarah bahawa ia telah berjaya membentuk kader-kader dakwah yang mampu mempamerkan kepada kita pada abad kedua puluh ini. Mereka telah berjaya menyebarkan kefahaman dakwah ke seluruh pelosok bumi Mesir, negara-negara Arab dan keseluruh bumi umat Islam dan seluruh pelosok dunia. Di mana saja dapat dilihat terdapat Islam yang hidup dan dinamik, di situ lah akan didapati tempias dan kesan daripada dakwah Islamiah yang dibawa oleh *al-Ikhwan*. Walau bagaimanapun seperti yang dikatakan oleh Dr. Yusuf

al-Qaradhawi, apapun kejayaan yang telah dicapai oleh Hassan al-Banna dalam proses pentarbiyahan dan pembinaan insannya, tidaklah mendakwa bahawa semua anggota al-Ikhwan itu terdiri daripada para malaikat ataupun para nabi yang maksum. Malah sebenarnya, mereka seperti orang lain juga, manusia biasa yang boleh melakukan kesilapan dan boleh rebah dalam perjalanan.<sup>87</sup>

Selari dengan kenyataan di atas, Univeriti Islam Antarabangsa Malaysia telah menjadikan Usrah sebagai Kursus Pembangunan Insan pada program kurikulumnya semenjak dari 1990 lagi sehingga sekarang. Ianya dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar.<sup>88</sup>

Manakala pihak ABIM pula menjadikan Usrah sebagai *tsawabit* gerakan mereka sebagai salah satu program teras tarbiyah ABIM. Hal ini ditegaskan oleh presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman dalam Ucapan Dasarnya pada Muktamar Sanawi ke-31 ABIM.<sup>89</sup> Ini membuktikan lagi bahawa Usrah sebagai suatu program Pembangunan Insan yang dapat dilaksanakan di Malaysia.

Usrah mengikut pengkajian tajuk ini merupakan batu-bata pertama dalam struktur bangunan pergerakan atau jamaah. Ia juga merupakan landasan bagi pembentukan keperibadian anggota dan cara paling tepat untuk mendidik mereka secara integral, menyentuh seluruh aspek keperibadian, untuk selanjutnya membentuk mereka dengan konsep Islam sesuai dengan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w.<sup>90</sup>

---

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 80.

<sup>88</sup> Bahagian Latihan Kepimpinan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa (1995) *Usrah; Personality Development Course*. Gombak: Unit Percetakan UIA, h. 2.

<sup>89</sup> Ahmad Azam Abdul Rahman (2002), *Perbaru Ukhluwwah, Perteguh Wahdatul Ummah*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 35.

<sup>90</sup> Sulaiman Ibrahim (2000), *op.cit.*, h. 73.

Oleh itu dalam sejarah, Usrah memiliki peranan yang sangat penting sehingga dianggap sebagai salah satu tiang utama, bahkan tiang terpenting sebagai tempat berharap bagi keutuhannya. Kenapa Usrah masih diperlukan oleh umat padahal sesetengah orang mulai meraguinya. Beberapa hujah telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh;

**Pertama**, pendidikan melalui sistem Usrah merupakan pendidikan yang sesungguhnya dan tidak dapat diganti, kerana dalam sistem Usrah inilah kita mendapat pengetahuan, kepekaan dan terus di bawah bimbingan seorang murabbi yang mana ia adalah naqib (pemimpin) Usrah itu sendiri. Manakala program-program dalam Usrah pula berdasarkan kepada al-Quran dan sunnah yang dijadualkan dengan teliti dan dikaji sebelumnya.

**Kedua**, pendidikan dengan sistem Usrah sama sekali tidak bertentangan dengan universal dakwah, kerana universal dakwah ini bersumberkan dari universal Islam, sistem dan undang-undangnya. Universal ini bukan rekaan manusia.

**Ketiga**, pendidikan melalui Usrah merupakan tujuan yang terdapat dalam cara. Hal itu kerana persiapan individu secara Islam, persiapan mental, pemikiran, akidah dan akhlak merupakan kegiatan yang memerlukan kesinambungan juga menjadi tujuan selamanya. Walaupun Usrah termasuk cara, namun kerana kuatnya kaitan dengan tujuan, mengharuskan sistem Usrah memiliki kesinambungan.

**Keempat**, sepanjang sejarah pendidikan, hanya sistem Usrahlah yang dapat memantapkan proses pembentukan individu secara Islam dan integral. Oleh sebab itu, ianya perlu berterusan walaupun negara Islam telah berdiri tegak secara

sempurna. Hal itu kerana pendidikan melalui Usrah yang akan menyediakan pembangunan insan bagi keperluan pemerintah dengan proses yang baik.

**Kelima**, sebagai contoh jika pemerintah Islam telah tegak dan dapat menguasai sistem pengajaran dan media informasi. Namun kita harus ingat bahawa keduanya tidak akan mampu mendidik anggota. Pendidikan yang integral, yang menanam dalam jiwa sifat keutamaan, kesungguhan dan kepekaan terhadap tanggungjawab memang berkait erat dengan proses pendidikan dan media informasi. Akan tetapi hanya Usrah beserta sistemnya yang dapat mendidik anggota dengan pendidikan Islam sesuai dengan harapan.<sup>91</sup>

## 2.10. Kesimpulan

Keberkesanan Usrah terletak kepada beberapa faktor yang penting berkaitan dengan Usrah yang telah dibincangkan dalam bab ini. Faktor utama tentunya pada peranan naqib dan naqibah dalam sesebuah program Usrah itu sendiri. Dalam meningkatkan peranan naqib dan naqibah tersebut, maka perlulah mengenal pasti serta mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh naqib dan naqibah dalam mengendalikan program Usrah. Jika masalah tersebut tidak segera diselesaikan, ia akan memberi kesan langsung kepada perjalanan program Usrah dan menjelaskan pencapaian matlamat-matlamatnya. Oleh itu amatlah wajar perkara ini dikaji dan diteliti.

---

<sup>91</sup> Ali Abdul Halim Mahmud (1990), *op.cit.*, h. 114.

## **BAB TIGA**

### **PROGRAM USRAH DI SEKOLAH AGAMA MENENGAH BESTARI, SUBANG JAYA, SELANGOR**

#### **3.1. Latar belakang Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya**

Sejarah institusi pendidikan Islam di Selangor bermula pada akhir abad yang ke-19. Menurut *Frank W.Haines*, Inspektor Sekolah Selangor (1894) melaporkan bahawa terdapat tujuh belas (17) buah kelas al-Quran diwujudkan pada tahun berkenaan. Ketika itu, kelas-kelas ini di bawah kelolaan kerajaan negeri Selangor. Mata pelajaran seperti Ibadah, Tauhid dan Akhlak telah ditambah semasa pemerintahan almarhum Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, Sultan Negeri Selangor ke-5 (1898-1938). Di zaman Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, sekolah-sekolah agama mendapat restu yang tidak berbelah bahagi daripada sultan.<sup>92</sup>

Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah telah menuahkan sebuah sekolah agama perempuan di Kampung Bandar di daerah Kuala Langat ketika era pemerintahan almarhum Sultan Abdul Samad Ibni almarhum Raja Abdullah (1857-1898). Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah Ibni almarhum Raja Muda Musa merupakan Raja Muda ketika itu sebelum menaiki takhta selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad yang merupakan sultan pertama di Selangor yang diiktiraf oleh Ruler in Council pada 5 September 1879.<sup>93</sup>

---

<sup>92</sup> Mohamad Rabeh bin Abdullah (2000), *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Al-Azhar di Sekolah Menengah Agama JAIS*. Disertasi Sarjana UM, Kuala Lumpur, h. 18.

<sup>93</sup> <http://www.SAM Bestarit.my/2012/index.php/profil/88-sejarah>

Semasa pemerintahan Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, Madrasah Awamiah (1930) telah ditubuhkan di Kampung Sepintas, Sabak Bernam yang merupakan sekolah terulung di daerah Sabak Bernam. rentetan daripada periswi penubuhan sekolah agama rakyat berkenaan, ditubuhkan pula Sekolah Agama Parit Baru pada tahun 1933. Dalam tahun berkenaan juga, sebuah sekolah yang dinamakan Madrasah Marta il Ulum al Diniah telah ditubuhkan di Bandar Diraja Klang. Manakala Madrasah Parit Lima Sungai Besar (1937) pula telah ditubuhkan dan penubuhan madrasah itu merupakan titik tolak pendidikan Arab sepenuhnya apabila almarhum al-Sayyid Abdul Azizi al-Syaimi al-Misri telah membuat pembaharuan dengan menggalakkan pelajar-pelajar berbahasa Arab.<sup>94</sup>

Ketika pengunduran tentera Jepun (1946), bilangan sekolah agama semakin bertambah antaranya penubuhan Madrasah Unwan al Saadah di Kanchong Darat, Banting Kuala Langat. Pada tahun 1946, apabila Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor ditubuhkan oleh almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, secara tidak lansung pengurusan sekolah-sekolah agama telah ditingkatkan demi memartabatkan pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor. Bermula daripada tahun 1946, pihak Jabatan Hal Ehwal Islam telah mula melantik guru-guru agama rendah yang ditugaskan di sekolah agama dari darjah satu hingga darjah lima. Pada tahun yang sama juga, Madrasah Ahliah Othmaniah untuk kaum wanita telah ditubuhkan di Klang yang diasaskan oleh allahyarham Tuan Haji Othman. Madrasah tersebut merupakan sebuah sekolah Arab bagi kaum wanita. Tahun 1948 - 1953 menyaksikan penubuhan sekolah-sekolah rendah agama di daerah Kuala Langat antaranya;

---

<sup>94</sup> Ibid.

- a) Sekolah Agama Kanchong Darat
- b) Sekolah Agama Sungai Lang
- c) Sekolah Agama Labohan Dagang
- d) Sekolah Agama Bukit Changgang<sup>95</sup>

Pada tahun 1952, setelah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor ditubuhkan, secara tidak langsung pengurusan sekolah-sekolah agama cuba ditingkatkan demi memartabatkan pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor. Tahun 1954 menyaksikan tertubuhnya beberapa buah sekolah agama dan Arab antaranya;

- a) Sekolah Arab di Sabak Bernam
  - (asas penubuhan SAMT Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah)
- b) Sekolah Arab Kajang
  - (dikenali kini sebagai SMKA Maahad Hamidiah Kajang)
- c) Sekolah Arab Putera Puteri Jeram
  - (dikenali kini sebagai SAM Jeram Batu 20)
- d) Sekolah Arab Batang Kali

---

<sup>95</sup> *Ibid.*

Pada tahun 1960, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan dua bentuk aliran persekolahan iaitu;

a) Sekolah Arab hingga Rabi' Thanawi

Kesemua mata pelajaran dengan pengantar bahasa dalam bahasa Arab

b) Sekolah Agama darjah Khas

Pengantar bahasa menggunakan bahasa Melayu manakala sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan menggunakan kitab-kitab agama tulisan jawi karangan ulama' Nusantara beserta mata pelajaran bahasa Arab.<sup>96</sup>

Sistem pelajaran agama aliran Arab telah dihapuskan pada tahun 1976 manakala sistem pelajaran agama darjah khusus dihapuskan pada tahun 1977 yang menyebabkan terhapusnya sijil "Rabi' Thanawi" dan Sijil Darjah Khas Sekolah-sekolah Agama. Ekoran daripada peristiwa berkenaan, pada tarikh 1 Januari 1977, sistem pengajian agama di negeri Selangor telah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu;

1) Darjah satu hingga enam (peringkat rendah)

2) Tingkatan satu hingga enam atas (peringkat menengah)<sup>97</sup>

---

<sup>96</sup> Temubual dengan Ustaz Hj. Mohd Rabeh Bin Abdullah, Penolong Pengarah Kanan, Sektor Naziran, Bahagian Pendidikan Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor pada 20 September 2006.

<sup>97</sup> Ibid.

Sistem dua peringkat dilaksanakan hingga kini dengan sedikit perubahan dari segi peperiksaan. Di peringkat rendah, Peperiksaan Sijil Darjah Enam (SDE) yang diperkenalkan pada tahun 1978, telah digantikan dengan Sijil Penilaian Rendah Agama (1994) dan kemudiannya digantikan dengan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) pada tahun 2000. Peringkat menengah juga mengalami sedikit perubahan apabila peperiksaan Sijil Pelajaran Agama yang dilaksanakan ketika tingkatan enam bawah dimansuhkan dengan adanya Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahun 2000. Ketika ini, sistem sedia ada dilaksanakan adalah berdasarkan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama (KPISRA) di peringkat rendah dan Kurikulum Al-Azhar serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di peringkat menengah.<sup>98</sup>

Pada tahun 2008, Sekolah Agama Menengah telah diambil alih oleh Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai Sekolah Agama Bantuan Penuh Kerajaan. Ianya dikelola oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM).<sup>99</sup> Tetapi sukatan pelajaran Al-Azhar dan program Usrah masih dikekalkan serta beberapa aspek lain yang termaktub dalam perjanjian.<sup>100</sup>

Penubuhan Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya yang dirancang oleh Bahagian Pendidikan Islam dan Pembelajaran, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah bertujuan memantapkan sistem pendidikan yang menawarkan pelajar Tingkatan Empat dan Lima dalam jurusan Sains dan Teknik sebagai kurikulumnya.

---

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> Temubual dengan Ustaz Mohamad Zaki bin Hamid, Pegawai Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Negeri Selangor pada 13 Februari 2009.

<sup>100</sup> Temubual dengan Hjh. Saadah Bahruddin, Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya. Temubual pada 13 Februari 2008.

Kewujudan sekolah ini diharapkan dapat memenuhi Falsafah dan Matlamat Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.<sup>101</sup>

Sekolah ini mula beroperasi 29 Mei 1998 di USJ 5 Subang Jaya dengan keluasan 37 hektar merupakan sekolah projek Jabatan Agama Islam Selangor. Mulai tahun 2005, sekolah ini telah didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Bermula dengan dua kelas pelajar Tingkatan Lima yang dipindahkan daripada Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah (SAMTAJ), Shah Alam dan sepuluh kelas pelajar Tingkatan Empat yang dipilih daripada seluruh Sekolah Agama Menengah (SAM) negeri Selangor. Jumlah guru dan kakitangan sokongan ketika itu adalah 38 orang. Pengetua yang pertama ialah Ustaz Sholehuddin Bin Kayat. Pada tahun 2001, sekolah ini mula menerima kemasukan pelajar tingkatan satu sebanyak dua kelas atas permintaan masyarakat setempat.<sup>102</sup>

Sekolah ini telah mencatat kecemerlangan dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2001, 2002 dan 2003, dan menjadi salah sebuah sekolah yang cemerlang di Malaysia. Demikian juga dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2002 dan 2003 di mana sekolah menduduki tempat ke 13 di seluruh Malaysia. Pada tahun 2005 dan 2006 seorang pelajar Tingkatan Tiga mencipta nama menduduki tempat kedua keseluruhan PMR seluruh Malaysia. Seratus peratus pelajar lepasan sekolah ini berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti di dalam dan luar negara dalam pelbagai jurusan terutama kedoktoran dan

---

<sup>101</sup> Temubual dengan Ustaz Solekhan bin Roup, Penolong Pengarah Pendidikan, Unit Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007.

<sup>102</sup> <http://www.SAM Bestarit.my/2012/index.php/profil/pengenalan>

kejuruteraan. Kini Sekolah Agama Menengah Bestari mempunyai pelajar seramai 763 orang.<sup>103</sup>

Sekolah Agama Menengah Bestari telah menerima pengiktirafan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pengiktirafan ini diterima pada 22 April 2011 di Aras 6, Kompleks E8, Putrajaya yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.<sup>104</sup>

Pemilihan Sekolah Agama Menengah Bestari sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan adalah berdasarkan kecemerlangan dalam akademik, kurikulum dan mempunyai kebitaraannya yang tersendiri. Sekolah Agama Menengah Bestari terus menegakkan kecemerlangannya apabila memperolehi Gred Purata Sekolah untuk PMR 1.13, SMA 1.66 dan SPM 1.62 bagi keputusan peperiksaan tahun 2010. SAM Bestari mempunyai 69 kakitangan ikhtisas dan 14 orang kakitangan non ikhtisas.<sup>105</sup>

### **3.2. Sejarah Program Usrah di SAM Bestari**

Ustaz Hj. Mohd Rabeh Bin Abdullah menceritakan bahawa program Usrah adalah satu program yang telah dijalankan di bawah Bahagian Pendidikan Islam JAIS bersama Jawatankuasa Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) Sekolah Agama Menengah negeri Selangor sejak awal tahun 2000. Menurut beliau tujuan program

---

<sup>103</sup> Ibid.

<sup>104</sup> [http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en](http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en)

<sup>105</sup> [http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en](http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en)

Usrah ini adalah untuk memantapkan pelajar-pelajar ke arah menyediakan generasi kepimpinan yang berkualiti dan berakhhlak di masa hadapan. Ianya bertepatan dengan matlamat Pendidikan JAIS untuk melahirkan pelajar yang sepenuhnya berilmu dan berakhhlak mulia, kukuh dalam nilai Islam bagi mencapai muslim *muttaqi* serta mendapat keredhaan Allah s.w.t.<sup>106</sup>

Ustaz Solekhan bin Roup memberitahu bahawa Modul Usrah pada peringkat awal mulai dibincangkan pada 28 Februari 2002. Ini merupakan langkah pertama ke arah menyiapkan satu modul Usrah yang terbaik. Taklimat dan perbincangan Modul Usrah SAM-JAIS pada ketika itu telah disampaikan oleh Ustaz Mohd. Asimoni bin Hj. Ehsan dan Ustaz Muhammad Asmadi Mustakim. Taklimat ini melibatkan semua pengetua Sekolah Agama Menengah-JAIS untuk memberi penerangan awal tentang matlamat mewujudkan program Usrah di sekolah-sekolah JAIS. Taklimat kali pertama ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pengetua yang mana mereka sedang mencari satu program untuk membentuk sahsiah pelajar ke arah kecemerlangan akademik.<sup>107</sup>

Pada 6 Mac 2002 diadakan sekali lagi mesyuarat tentang program Usrah di antara Bahagian Pendidikan Islam, JAIS dengan semua pengetua Sekolah Agama Menengah, JAIS bagi membincangkan gerak kerja dalam menyediakan modul awal.<sup>108</sup>

Susulan daripada dua kali taklimat dan perbincangan tersebut, pada 3 April 2002 pihak JAIS telah melantik Ustazah Siti Rasni binti Mohd Hashim sebagai urus

<sup>106</sup> Temubual dengan Ustaz Hj. Mohd Rabeh Bin Abdullah Penolong Pengarah Kanan Penolong Pengarah Kanan, Sektor Naziran, Bahagian Pendidikan Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007.

<sup>107</sup> Temubual dengan Ustaz Solekhan bin Roup, Penolong Pengarah Pendidikan, Unit Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007.

<sup>108</sup> *Ibid.*

setia program Usrah. Beliau bersama jawatan kuasa berusaha menyiapkan draf awal untuk dibentangkan.

Kemudian Bengkel Pembentukan Modul Usrah Sekolah-sekolah Agama Menengah JAIS telah diadakan bertempat di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS), Sabak Bernam pada 23-25 April 2001. Seramai 17 wakil dari seluruh Sekolah Agama Menengah JAIS hadir dalam bengkel ini.<sup>109</sup>

Resolusi bengkel tersebut adalah seperti berikut:<sup>110</sup>

1. Mewujudkan penjawatan Pegawai Dakwah dan Kepimpinan di Unit Pendidikan JAIS.
2. Memertabatkan kedudukan Badan Dakwah dalam hiraki pengurusan sekolah sebagai badan induk di mana ia boleh menguasai aktiviti-aktiviti pelajar di sekolah.
3. Mengaktifkan Jawatankuasa Badan Dakwah di SAM negeri Selangor.
4. Memberikan peruntukan masa dan kewangan untuk aktiviti Usrah.
5. Memberi Insentif kepada Badan Dakwah terbaik antara sekolah.
6. Mengadakan Ijtima' Nuqaba Peringkat Negeri Selangor
7. Mengurangkan masa mengajar kepada penyelaras Badan Dakwah di SAM JAIS.

---

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> *Ibid.*

Setelah itu diadakan pula Bengkel Pemurnian Teks Usrah untuk kali pertama pada 8 Mei 2002 bagi membincang draf awal program Usrah yang telah disiapkan oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Ustazah Siti Rasni binti Mohd Hashim. Dalam bengkel sehari ini, pelbagai saranan dan pandangan telah diberikan untuk menghasilkan modul yang terbaik.<sup>111</sup>

Bengkel Pemurnian Teks Usrah kali kedua pula diadakan pada 29 Januari 2003. Ianya diadakan untuk menyemak semula modul Usrah yang telah dirangka. Bengkel ini diadakan untuk membuat semakan akhir dalam semua aspek sebelum diterbitkan. Pada 15 Oktober 2003, buku modul Usrah telah berjaya disiapkan dalam bentuk *softcopy* dan dihantar ke pihak percetakan yang telah dipilih.<sup>112</sup>

Hjh. Saadah Bahruddin, Pengetua Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya mengatakan pihak sekolah menerima empat modul Usrah dari pihak pendidikan JAIS untuk dilaksanakan di sekolahnya dan beliau dimaklumkan bahawa 22 buah sekolah Agama Menengah lainnya mengalami perkara yang sama. Inilah yang diangkat untuk menjadi kajian kes bagi penelitian ini.<sup>113</sup>

### **3.3. Matlamat dan Objektif Program Usrah di SAM Bestari**

Menurut Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR SAM Bestari, Subang Jaya, keadaan umat Islam masa kini berada di dalam keadaan yang cukup kritikal. Berita-berita yang terpampang di dada akhbar hari ini memberikan gambaran yang cukup

---

<sup>111</sup> Temubual dengan Ustaz Solekhan bin Roup, Penolong Pengarah Pendidikan, Unit Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007.

<sup>112</sup> *Ibid.*

<sup>113</sup> Temubual dengan Hjh. Saadah Bahruddin, Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya. Temubual pada 13 Februari 2008.

membimbangkan masa depan negara. Remaja yang menjadi harapan dan pelapis kepimpinan negara ini lebih memilih untuk terjun ke dalam kancang kehidupan yang kurang sihat. Hidup bergelumang dengan maksiat dan dunia jenayah seolah-olah memberikan erti kepuasan dan keseronokan hidup. Banyak pendedahan telah dibuat dan telah mengejutkan pandangan umum bilamana remaja yang mendapat pendidikan agama juga tidak terkecuali dari gejala ini.<sup>114</sup>

Ustaz Zaidi bin Masri menyatakan kebimbangan yang menguasai masyarakat ini perlu dilihat secara lebih serius. Usaha-usaha yang lebih berkesan perlu dirangka untuk mengubati penyakit sebelum ia menjadi lebih parah. Peribadi remaja perlu dibentuk sebagai peribadi yang seimbang dari aspek intelektual, fizikal dan spiritual sekaligus mampu menjadi agen-agen yang turut mengubah keadaan penyakit masyarakat. Oleh yang demikian, proses pembinaan perlu dirangka secara terarah dan tersusun bagi memenuhi objektif yang telah digariskan. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan (berkala) agar pembinaan yang dilakukan mencapai matlamat pembinaan peribadi soleh dan musleh. Menyedari akan kepentingan pembinaan dimulakan sedari usia awal remaja, maka suatu program Usrah berkonsepkan mentor-menti dicadangkan dalam rangka pembentukan peribadi *uswatun hasanah*.<sup>115</sup>

Melihat kepada faktor-faktor tersebut, maka matlamat program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya ialah menjalankan tarbiah bagi mencipta suasana yang sesuai bagi remaja untuk mendapat kehidupan dunia secara lurus dan baik serta kehidupan akhirat dengan naungan redha dan syurga Allah s.w.t.

---

<sup>114</sup> Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

<sup>115</sup> *Ibid.*

Manakala objektifnya pula ialah;

- a. Menerapkan jati diri remaja agar mampu menghadapi arus pelbagai nilai yang mewarnai masyarakat hari ini melalui perspektif syariat Islam
- b. Menjadikan program ini sebagai pemangkin kepada kecemerlangan akhlak dan kepimpinan pelajar
- c. Meningkatkan ukhuwah sesama pelajar seterusnya memberikan kesan kepada kecemerlangan akademik pelajar<sup>116</sup>

### **3.4. Program Usrah di SAM Bestari**

Pemilihan naqib dan naqibah dipilih oleh pihak Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) Sekolah Agama Menengah Bestari setiap tahun yang dipengerusikan oleh Ketua BADAR dan dianggotai oleh guru-guru yang dilantik. Pada tahun 2008 jumlah naqib dan naqibah yang dipilih ialah 90 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima yang dipilih berdasarkan kecemerlangan akademik dan sahsiah terpuji. Perlantikan berlaku untuk tempoh setahun. Oleh kerana semua pelajar tinggal di asrama maka program Usrah dapat dilaksanakan dengan berkesan.<sup>117</sup>

Pembinaan peribadi dengan modul yang dinyatakan akan dilaksanakan melalui program berteraskan program Usrah menggunakan kaedah naqib dan naqibah agar

---

<sup>116</sup> Temubual dengan Hjh. Saadah Bahruddin, Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya. Temubual pada 13 Februari 2008.

<sup>117</sup> Temubual dengan Ustaz Zaidi Masri, Pengurus BADAR SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

perhatian tarbiah dapat dijayakan secara efektif. Satu kumpulan disenggarakan oleh seorang pelajar tingkatan empat atau tingkatan lima yang terpilih sebagai naqib dan 8-10 pelajar sebagai anggota kumpulan. Pertemuan mingguan ini akan diadakan secara kelompok dan dilaksanakan secara sistematik melalui agenda pertemuan yang diselaraskan. Setiap setiap hari Rabu dari jam 9.00-11.00 malam adalah untuk pengisian naqib dan naqibah oleh pihak BADAR atau pihak yang dilantik manakala pada hari Jumaat dari jam 7.30-8.30 malam pula untuk naqib dan naqibah membimbing para anggota mereka. Setiap pertemuan dikendalikan dalam masa satu jam.<sup>118</sup>

Selain itu, pembinaan naqib dan naqibah ini juga diberi perhatian agar perlaksanaan program Usrah berjalan secara berkesan. Oleh yang demikian, pelatihan secara teori dan praktikal telah disusun agar naqib dan naqibah mendapat modul melalui pengalaman ‘mendapatkan’ sebelum ‘memberi’. Di samping itu, suatu program intensif untuk membina kemahiran sebagai mentor juga telah dirangka.

### **3.5. Modul Program Usrah di SAM Bestari**

Secara umum, modul program usrah<sup>119</sup> yang dijalankan oleh pihak Paksi Training berlainan dengan silibus Usrah yang terdapat dalam Teks Usrah Sekolah Agama Menengah, JAIS; Tingkatan 4 dan 5.<sup>120</sup> Walau bagaimanapun modul tersebut yang merangkumi empat (4) kajian telah mencakupi beberapa bidang keilmuan dan sesuai untuk pelajar SAM Bestari. Modul tersebut adalah seperti berikut;

---

<sup>118</sup> Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008..

<sup>119</sup> Modul Usrah Paksi Training

<sup>120</sup> Unit Hal Ehwal Pelajar (2003), *Teks Usrah Sekolah Agama Menengah, JAIS; Tingkatan 4 dan 5*. Shah Alam: Jabatan Agama Islam negeri Selangor.

## **A. DASAR-DASAR KEISLAMAN**

### **1. AL-QURAN**

- Adab Tilawah
- Tilawah Yaumiyah
- Hukum Tilawah
- Takrif Al-Quran

### **2. HADIS**

- Hadis Arba'in (1 – 10)
- Hadis pilihan Riyadus Solihin

### **3. AQIDAH**

- Makrifatu Dinul Islam
- Pokok-pokok ajaran Islam
- Makrifatullah
- Tauhidullah
- Tauhid Asma' dan Sifat
- Makna Syahadah
- Syarat penerimaan syahadah
- Perkara yang membantalkan syahadah
- Erti '*La Ilaha Illa Llah*
- Hizbus Syaitan
- Keperluan manusia kepada rasul
- Takrif, kedudukan dan sifat rasul
- Tugas rasul

- Keistimewaan risalah Nabi Muhammad s.a.w.
- Kewajipan muslim kepada rasul
- Kesan risalah Nabi Muhammad s.a.w.

#### 4. FIQH

- Kedudukan niat dalam beramal
- Ihsan dalam solat
- Qiammullail
- Saum sunnah
- Aurat dan pakaian
- Zikir dan doa
- Taubat dan istighfar

#### 5. AKHLAK DAN KEPERIBADIAN MUSLIM

- Keutamaan bangun pagi
- Akhlak kepada kaum muslimin
- Memenuhi janji
- Menundukkan pandangan
- Tidak berteman dengan orang yang buruk
- Bahaya lidah
- Menjauhi akhlak tercela
- Menjauhi segala yang haram
- Menjauhi tempat-tempat haram dan maksiat
- Memperbaiki penampilan
- Menjauhi dosa besar
- Memenuhi nazar

## **B. PENGEMBANGAN DIRI DAN PENAMPILAN**

### **1. METODOLOGI BERFIKIR**

- Ketrampilan berfikir
- Makna data dan informasi

### **2. BELAJAR MANDIRI**

- Ketrampilan belajar
- Ketrampilan hidup
- Memperluas wawasan

### **3. KELUARGA MUSLIM**

- Berbuat baik kepada kedua ibu bapa
- Ghirah pada keluarga
- Kewajipan anak terhadap orang tua

### **4. PENGURUSAN DAN ORGANISASI**

- Mengendalikan waktu
- Komunikasi efektif

### **5. KESIHATAN DAN KEKUATAN FIZIK**

- Hidup bersih dan sihat
- Makan dan minum
- Pola hidup sihat dan seimbang
- Tatacara membaca dan kesihatan mata

6. KEPENDIDIKAN

- Ghirah pada agama
- Kepentingan tarbiah

**C. PEMIKIRAN ISLAM**

1. SEJARAH DAN PERADABAN UMAT

- 10 sahabat dijamin masuk syurga

2. DUNIA ISLAM KONTEMPORER

- Keadaan umat Islam masa kini

3. PERBANDINGAN AGAMA DAN ALIRAN KEAGAMAAN

- Serangan pemikiran
- Zionisme antarabangsa

**D. SOSIAL KEMASYARAKATAN**

1. TATA SOSIAL KEMASYARAKATAN

- Menyebarluaskan salam
- Menyertai kerja amal bersama
- Solat berjamaah di masjid

2. PERUNDANGAN

- Menjaga hak umum dan hak khusus

### 3. IPTEK DAN LINGKUNGAN

- Al-Quran dan As-Sunnah berbicara tentang lingkungan
- Ilmu Allah

Berdasarkan modul Usrah yang dinyatakan di atas maka pengkaji berpendapat ianya sangat lengkap dan sesuai untuk diterapkan di dalam program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari serta di sekolah-sekolah lainnya kerana ianya merangkumi semua tajuk dan mudah dicerna oleh semua pelajar.

#### **3.6. Penilaian Program Usrah**

Bagi menilai keberkesanan program Usrah ini, maka setiap pelajar diwajibkan untuk mengisi borang seperti di bawah ini. Ini bagi menjamin apa yang disampaikan oleh para naqib dan naqibah dapat diambil ilmu oleh para anggota Usrah.

Menurut Ustaz Zaidi bin Masri, guru-guru BADAR yang dilantik perlu membuat pemantauan bagi memastikan program Usrah benar-benar dilaksanakan dengan baik. Selain daripada guru BADAR, pihak Paksi Training yang dilantik oleh pihak sekolah untuk membantu dalam perjalanan Usrah perlu membantu para nuqaba dalam proses perjalanan Usrah itu sendiri. Ini kerena masih ada nuqaba yang baru serta masih kurang percaya diri dalam mengendalikan program Usrah ini.<sup>121</sup>

---

<sup>121</sup> Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengerusi BADAR SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

Penilaian guru-guru terhadap naqib dan naqibah serta penilaian naqib dan naqibah terhadap ahli Usrahnya adalah sangat penting bagi mengetahui permasalah serta memastikan keberkesanan serta matlamat dan objektif Usrah tercapai.

### **3.7. Latihan-latihan yang dibekalkan**

Terdapat beberapa latihan yang dibekalkan bagi naqib dan naqibah untuk memastikan mereka mendapat bekalan yang secukupnya. Pengendalian latihan ini telah diserahkan kepada pihak Paksi Training kerana pihak sekolah tidak mampu melaksanakan atas faktor masa dan tenaga.<sup>122</sup> Di antara latihan yang dibekalkan ialah;

#### **a. Kursus Intensif Nuqaba**

Hajah Saadah Bahruddin, Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya memaklumkan bahawa latihan ini sangat perlu untuk memastikan para nuqaba mendapatkan latihan dan pendedahan yang secukupnya. Beliau memaklumkan bahawa kursus ini dilaksanakan sekali dalam setahun. Di antara objektif kursus ini ialah;

1. Memberikan kefahaman akan kepentingan pentarbiahan bagi meningkatkan komitmen nuqaba' untuk menjayakan Usrah

---

<sup>122</sup> Temubual dengan encik Hanizan bin Mohd Ishak, fasilitator Paksi Training pada 15 Februari 2008.

2. Memberikan kemahiran-kemahiran asas untuk menjadi nuqaba yang cemerlang, seterusnya meningkatkan keberkesanan pengendalian Usrah
3. Meningkatkan hubungan kerjasama sesama nuqaba sebagai bekalan penting bagi menjayakan Usrah secara efektif
4. Menjadikan program ini sebagai pemangkin kepada kecemerlangan akhlak dan kepimpinan barisan nuqaba' sebagai *uswah hasanah* seterusnya membentuk suasana sekeliling yang solehah.<sup>123</sup>

**b. Latihan Kemahiran untuk naqib dan naqibah**

Ketika menemubual Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR SAM Bestari, beliau memberitahu kursus ini adalah latihan tambahan untuk para nuqaba. Sebelum ini mereka telah didedahkan secara awal ketika Kursus Intensif Nuqaba. Beliau menambahkan bahawa kursus ini juga dilaksanakan sekali dalam setahun. Objektif yang telah digariskan adalah seperti berikut;

1. Meningkatkan kefahaman tentang kewajipan utama manusia sebagai khalifah
2. Memberikan kesedaran akan kepentingan keseimbangan penjagaan aspek jasmani, rohani dan akal sebagai teras menuju taqwa

---

<sup>123</sup> Temubual dengan Hjh. Saadah binti Bahruddin, Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya. Temubual pada 13 Februari 2008.

3. Peningkatan penumpuan matlamat untuk membentuk komuniti dan umat yang membangun dengan Islam

4. Mempereratkan ukhuwah sesama peserta program.<sup>124</sup>

Latihan yang secukupnya seperti yang telah dilaksanakan oleh pihak BADAR dengan kerjasama Paksi Training adalah perlu bagi menjamin naqib dan naqibah mempunyai ilmu dan bekalan yang cukup agar mereka dapat membimbang dan mengendalikan Usrah dengan cemerlang. Ini kerana faktor naqib dan naqibah yang memain peranan utama dalam menjayakan tujuan dan objektif program Usrah.

### **3.8. Kesimpulan**

Kesimpulannya, perlaksanaan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya mempunyai satu sistem pengurusan dan modul yang tersendiri. Ianya telah melalui proses yang lama dan berperingkat untuk mewujudkan modul program Usrah dan seterusnya di laksanakan di semua SAM JAIS. Ianya bertujuan memberi satu nilai tambah kepada pelajar bagi mencapai kecemerlangan sahsiah dan juga akademik yang mana pelajar di sekolah lain tidak memperolehinya. Ini terbukti dengan prestasi akademik yang telah dicapai oleh pihak pelajar sekaligus mengharumkan nama sekolah di peringkat kebangsaan. Namun begitu ianya perlulah dinilai dari masa ke semasa agar program usrah ini dapat mencapai matlamat dan

---

<sup>124</sup> Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

objektifnya. Selain itu, latihan-latihan yang akan diberikan kepada para nuqaba perlulah dirancang agar bersesuaian serta memenuhi keperluan nuqaba Usrah.

## **BAB EMPAT**

### **MASALAH PROGRAM USRAH DI SEKOLAH AGAMA MENENGAH BESTARI, SUBANG JAYA, SELANGOR (SAM BESTARI)**

#### **4.1. Pendahuluan**

Pada bab sebelumnya, pengkaji telah menghuraikan tentang sejarah Usrah serta mengenal pasti bentuk amalan dan perjalanan program Usrah yang dijalankan di SAM Bestari secara keseluruhan.

Pada bab yang keempat ini, pengkaji akan mengemukakan tentang permasalahan yang dihadapi ketika mengendalikan program Usrah di SAM Bestari berdasarkan wawancara dan juga observasi di lapangan.

#### **4.2. Pemantauan Perjalanan Usrah**

Pengkaji menghadiri beberapa kali program Usrah yang dilaksanakan di antaranya pada hari Rabu malam bertarikh 13 April 2011 dan mendapati sebuah syarikat konsultan iaitu Paksi Training sedang menjalankan program Usrah bersama dengan naqib dan naqibah yang terdiri daripada pelajar Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya. Tidak terlihat seorang guru dari SAM Bestari yang memantau. Program Usrah bermula dengan solat Isyak berjemaah di surau sekolah. Sebelum ini juga pengkaji beberapa kali hadir ke sekolah ini bagi menemubual pengetua dan guru-guru yang terlibat langsung dengan kegiatan Usrah pelajar.

Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya, Hajah Saadah binti Bahruddin, pada 13 Februari 2008 memaklumkan kekangan para guru yang mempunyai jadual mengajar di kelas yang sangat padat sehingga tidak dapat menjadi nuqaba Usrah pelajar. Selain itu tidak semua guru mempunyai pengalaman mengikuti Usrah. Beliau menceritakan bahawa melalui program Usrah yang membuat beliau layak menjadi seorang pengetua saat ini. Sungguh besar pengaruh Usrah dalam kehidupannya. Makanya beliau ingin melihat program Usrah dapat berjalan dengan cemerlang di SAM Bestari.<sup>125</sup>

Manakala Ustaz Zaidi bin Masri, Pengerusi Badan Agama dan Rohani (BADAR) juga merupakan guru di SAM Bestari, Subang Jaya memaklumkan bahwa pihak BADAR terpaksa meminta bantuan PAKSI Training untuk membantu pihak sekolah bagi menjalankan program Usrah. Ini kerana guru-guru tidak dapat memberi komitmen atas faktor kepenatan dan tempat tinggal mereka yang jauh dari sekolah. Usrah pula dilaksanakan pada malam hari. PAKSI Training bekerjasama dengan alumni SAM Bestari dalam menjayakan program Usrah di SAM Bestari.<sup>126</sup>

Pengkaji seterusnya mengikuti salah satu kumpulan naqib yang membuat Usrah bersama seorang fasilitator Paksi Training. Hasil dari pengamatan pengkaji, tentatif Usrah tersebut sama dengan perlaksanaan yang telah ditetapkan oleh pihak SAM Bestari, Subang Jaya seperti yang dihuraikan dalam bab ketiga sebelum ini. Pengkaji juga mendapati fasilitator tersebut bijak memainkan peranan sehingga Usrah yang dijalankan berjalan dengan baik dan kelihatan naqib-naqib memberi tindak balas kepada setiap persoalan dan isu yang dikemukakan. Pada setiap slot,

---

<sup>125</sup> Temubual dengan Pn. Hjh. Saadah binti Bahruddin, Pengetua SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

<sup>126</sup> Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengerusi BADAR SAM Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008.

fasilitator tersebut membimbing jika ada kesilapan serta memberi maklumat-maklumat terkini bagi setiap perbincangan.

Pengkaji juga melihat satu lagi kumpulan di sudut surau begitu ceria dan rancak dengan perbincangan dan terdengar ketawa kecil di antara selang seli perbincangan mereka.

#### **4.3. Permasalahan Naqib**

Selesai mengikuti program Usrah tersebut, pengkaji mengambil kesempatan untuk mewawancarai 3 naqib di dalam kumpulan tersebut. Seorang naqib bernama Khairul Ikhwan bin Abd. Rahindari, Tingkatan 5 Al-Jabar memaklumkan bahawa kesemua ahli kumpulan Usrah di SAM Bestari dicampur bermula dari pelajar tingkatan 1 hingga 4 manakala naqib pula daripada pelajar tingkatan 5. Menurut beliau lagi perlaksanaan Usrah adalah pada setiap hari Jumaat bermula selepas solat Maghrib berjemaah di surau sehingga azan Isyak berkumandang. Tetapi sesetengah kumpulan yang melaksanakan Usrah selain di surau biasanya akan mengambil masa yang lama berusrah dan akan solat Isyak berjemaah selepas tamat program Usrah. Biasanya tempat yang dilaksanakan selain surau adalah di wakaf-wakaf sekitar sekolah dan ada juga yang mengadakannya di atas padang bola tampar sekolah. Ketika ditanya mengenai masalah yang dihadapi pula beliau menyatakan bahawa masalah utama adalah keletihan kerana Usrah diadakan pada waktu malam disebabkan pada waktu pagi pelajar belajar seperti biasa di kelas dan terdapat aktiviti kokurikulum pada waktu petangnya.<sup>127</sup>

---

<sup>127</sup> Temubual dengan Khairul Ikhwan bin Abd. Rahin, Naqib Usrah dari Tingkatan 5 Al-Jabar, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

Kemudian pengkaji mewawancarai pula Muhd Akmal Fathi bin Mohamad Asri pelajar dari Tingkatan 5 Ibn Sina. Beliau memaklumkan bahawa setiap naqib dan naqibah mempunyai satu fail khas bagi merekodkan setiap kali program Usrah yang dijalankan bersama dengan ahli pada Jumaat malam. Pengkaji melihat borang tersebut sama seperti yang telah dinyatakan dalam bab ketiga sebelum ini iaitu borang penilaian perjalanan Usrah, borang *mutabatul amal* dan borang *muskilah*. Laporan mingguan Usrah akan dihantar kepada pihak BADAR SAM Bestari untuk semakan. Beliau memaklumkan bahawa Usrah bermula pada awal bulan Januari sehingga akhir bulan November setiap tahun. Beliau mengetahuinya kerana telah mengikuti Usrah semenjak tingkatan satu lagi sebagai ahli dan kini apabila berada di tingkatan lima, beliau telah dilantik sebagai salah seorang naqib. Ketika menjawab pertanyaan tentang permasalahan yang dihadapi ketika mengendalikan kumpulan Usrah, beliau memaklumkan terdapat segelintir pelajar ponteng daripada menghadiri Usrah. Mereka merayau-rayau di sekitar sekolah dan ada juga yang memberi seribu alasan kerana malas menghadiri Usrah. Biasanya naqib akan memberi nasihat tetapi oleh kerana tiada pemantauan dari guru-guru BADAR atau guru penasihat kumpulan Usrah, masalah ini tidak dapat di atasi kerana status mereka adalah sama-sama pelajar.<sup>128</sup>

Responden terakhir iaitu Muhammad Syukri bin Hasmer Sham pelajar dari tingkatan 5 Al-Biruni menceritakan bahawa program Usrah mingguan tidak hanya perbincangan dalam kumpulan sahaja tetapi kadang kala diselit dengan program riadah, permainan serta jamuan makanan yang dibawa dari rumah jika ada ibubapa pelajar yang menghantar. Beliau juga memaklumkan tentang program Usrah yang dilaksanakan setiap dua minggu kerana seminggu pelajar berada di asrama dan

---

<sup>128</sup> Temubual dengan Muhd Akmal Fathi bin Mohamad Asri, Naqib Usrah dari Tingkatan 5 Ibn Sina, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

minggu hadapannya pelajar dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. Maka tiada perlaksanaan Usrah. Beliau memaklumkan tiada jadual tetap menjadikan perjalanan Usrah bermasalah. Ini dapat dilihat apabila ahli yang diberi tanggungjawab untuk pengisian Usrah tidak siap atau kurang fokus.<sup>129</sup>

Berdasarkan wawancara dengan tiga orang naqib yang dipilih secara rawak, terdapat tiga permasalahan utama dalam perjalanan Usrah di SAM Bestari. Permasalahan tersebut seperti berikut;

1. Pelajar keletihan kerana Usrah diadakan pada waktu malam disebabkan pada waktu pagi pelajar belajar seperti biasa di kelas dan juga terdapat aktiviti kokorikulum pada waktu petangnya.
2. Segelintir pelajar iaitu ahli Usrah tidak menghadiri program Usrah. Mereka merayau-rayau di sekitar sekolah dan ada juga yang memberi seribu alasan kerana kurang berminat menghadiri program Usrah.
3. Tiadanya jadual tetap menjadikan perjalanan Usrah bermasalah apabila ahli yang diberi tanggungjawab untuk pengisian Usrah tidak siap atau kurang fokus.

Bagi permasalahan pertama pengkaji mencadangkan agar Usrah boleh dilaksanakan mengikut waktu yang pelajar tidak terlalu padat juga bukan di waktu

---

<sup>129</sup> Temubual dengan Muhammad Syukri bin Hasmer Sham, Naqib Usrah dari tingkatan 5 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

malam. Manakala permasalahan kedua pula pengkaji mengharapkan pengawasan dan pemantauan daripada guru-guru BADAR dan penasihat program Usrah agar pelajar lebih berdisiplin dalam mengikuti Usrah. Mereka boleh mengadakan jadual pengawasan dan pemantauan secara bergilir. Selain itu tindakan yang sewajarnya perlu diambil terhadap pelajar yang ponteng Usrah agar pelajar lain boleh mengambil ikhtibar dan akhirnya semua pelajar akan mengikuti Usrah. Sedangkan permasalahan terakhir pengkaji berpandangan perlunya satu jadual lengkap tentang program Usrah di SAM Bestari dan ianya perlu diedarkan pada setiap awal tahun. Ini akan memperlihatkan kesungguhan pihak sekolah dalam memperkasakan lagi program Usrah sebagai salah satu program pemerkasaan pembangunan insan.

#### **4.4. Permasalahan Naqibah**

Seusai pengkaji mewawancara naqib, pengkaji bergerak menuju ke kantin SAM Bestari yang mana di sana dilaksanakan Usrah di antara fasilitator wanita dengan naqibah. Pengkaji mendapati perjalanan Usrah berjalan dengan baik dan tertib serta tidak terlalu bising. Daripada permakluman yang pengkaji dapat adalah sebahagian daripada fasilitator tersebut merupakan alumni SAM Bestari yang sudi mencerahkan masa dan tenaga bersama-sama dengan naqibah. Seusai Usrah dilaksanakan, mereka semua menjamu jamuan yang telah dibawa dari rumah oleh setiap naqibah dan dikumpul menjadi satu dan kemudian dimakan bersama-sama. Berdasarkan pengamatan pengkaji, suasana seperti ini membuktikan bahawa perjalanan Usrah itu sendiri sangat menarik dan unik.

Pengkaji berkesempatan mewawancara 3 naqibah yang dipilih secara rawak. Naqibah pertama bernama Wan Saera Najwa binti Wan Samsudin pelajar dari

tingkatan lima Al-Kindi memaklumkan bahawa pelantikan sebagai naqibah adalah untuk tempoh setahun dan akan diberikan sijil penghargaan pada akhir tahun. Beliau memaklumkan walaupun pada tahun ini terdapat pembaharuan yang dilaksanakan iaitu pelantikan guru sebagai penasihat kumpulan Usrah pelajar atau dipanggil murabbi tetapi pada kenyataannya tiada pemantauan dibuat sepanjang tahun ini iaitu semenjak bulan Januari 2011. Ini memberi bebanan kepada naqibah kerana tiada sokongan dan rujukan ketika perlaksanaan Usrah apatah lagi bagi naqibah yang masih baru dan kurang keyakinan diri mengendalikan program Usrah.<sup>130</sup>

Manakala responden kedua bernama Khaulah binti Norazam pelajar daripada tingkatan 4 Al-Biruni memaklumkan bahawa naqib dan naqibah baru sahaja mengikuti Tamrin Nuqaba selama tiga hari dan dua malam pada bulan Mac 2011 yang telah dilaksanakan oleh Paksi Training Sdn. Bhd. Terdapat pelbagai pengisian dan program yang sangat berguna sebagai bekalan dan pengetahuan sebagai naqibah seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), slot Ciri-ciri Pendakwah, slot Membina Kenyakinan Diri, slot Peranan Nuqaba dan banyak lagi. Beliau yang baru pertama dilantik menjadi naqibah masih merasakan kekurangan ilmu dan mengharapkan terdapat program susulan seumpama ini.<sup>131</sup>

Manakala naqibah ketiga yang ditemui pengkaji bernama Hanis Amalina binti Ismail pelajar dari tingkatan 5 Al-Biruni memaklumkan bahawa Usrah yang dijalankan di SAM Bestari memberi banyak manfaat kepada para pelajar. Pelajar dapat mempereratkan lagi persaudaraan sesama pelajar selain mendapat banyak

<sup>130</sup> Temubual dengan Wan Saera Najwa binti Wan Samsudin dari tingkatan 5 Al-Kindi Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011.

<sup>131</sup> Temubual dengan Khaulah binti Norazam daripada tingkatan 4 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

makluman serta perkongsian ilmu melalui program Usrah. Beliau juga memaklumkan bahawa Usrah bukan sekadar perkongsian ilmu semata-mata tetapi juga diselitkan dengan program bulanan iaitu Usrah gabungan dengan mengadakan pertandingan kuiz antara kumpulan Usrah, teka silang kata serta permainan yang terdapat unsur Islam dan pengajaran. Beliau juga memaklumkan bahawa naqibah kurang bersedia, keletihan, kurang ceria, penyampaian yang kurang menarik atau membosankan menjadi masalah utama perlaksanaan Usrah di SAM Bestari. Selain itu Usrah terpaksa dilaksanakan di tempat yang sama seperti di surau dan asrama siswi agak membosankan kerana tempat yang sama setiap kali Usrah dijalankan. Ini kerana naqibah tiada pilihan lain kerana Usrah dilaksanakan pada waktu malam dan pelajar perempuan dihadkan pergerakan, tempat dan aktiviti di waktu malam.<sup>132</sup>

Berdasarkan wawancara dengan tiga naqibah di atas, terdapat tiga permasalahan utama dalam perjalanan program Usrah di SAM Bestari. Permasalahan tersebut seperti berikut;

1. Masalah naqibah ialah tiada sokongan dan rujukan ketika perlaksanaan Usrah. Mereka merupakan naqibah yang masih baru dan kurang keyakinan oleh kerana itu perlu dipantau dan dibimbing oleh penasihat Usrah pada waktu Usrah dilaksanakan.
2. Naqibah hanya dibekal satu pelatihan sahaja dalam setahun.

---

<sup>132</sup> Temubual dengan Hanis Amalina binti Ismail daripada tingkatan 5 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

3. Faktor naqibah kurang bersedia, keletihan, kurang ceria, penyampaian yang kurang menarik atau membosankan menjadi masalah utama perlaksanaan Usrah di SAM Bestari. Selain itu Usrah terpaksa dilaksanakan di tempat yang sama seperti di surau dan asrama siswi. Ini menimbulkan kebosanan. Para naqibah tiada pilihan lain kerana Usrah dilaksanakan pada waktu malam dan pelajar perempuan dihadkan pergerakan, tempat dan aktiviti di waktu malam.

Bagi permasalahan pertama pengkaji mencadangkan agar guru-guru BADAR atau penasihat Usrah turun memantau dan memberi tunjuk ajar dan semangat kepada naqibah dalam pengendalian Usrah. Manakala bagi permasalahan kedua perlu adanya program atau latihan susulan pada pertengahan dan akhir tahun selepas Tamrin Nuqaba. Ini bagi memantapkan lagi ilmu dan kemahiran naqibah tersebut agar menjamin pencapaian dan objektif perlaksanaan Usrah yang berkesan. Sedangkan permasalahan ketiga adalah perlunya kedua-dua faktor yang disebutkan di atas iaitu pemantau guru serta latihan berterusan. Selain itu dicadangkan pihak sekolah mengadakan program Usrah pada waktu pagi agar perlaksanaan Usrah lebih kreatif dan tidak membosankan.

#### **4.5. Permasalahan Ahli Usrah**

Pengkaji juga sempat mengadakan observasi pada hari Rabu malam bertarikh 15 April 2011 untuk melihat sendiri perlaksanaan program Usrah yang dilaksanakan oleh naqib dan naqibah serta ahli Usrah yang kesemuanya terdiri daripada pelajar. Pengkaji mendapati tiada pemantau yang dibuat oleh guru-guru penasihat Usrah serta

terdapat pelajar yang merayau-rayau serta tidak mengikuti program Usrah yang sedang berjalan. Pengkaji mendapati Usrah dijalankan di sekitar sekolah bagi pelajar lelaki manakala pelajar perempuan pula terhad di dalam kawasan asrama pelajar perempuan atau di kantin sekolah.

Pengkaji juga mendapatkan respon dari ahli Usrah secara rawak iaitu Muhammad Farhan bin Muhamad Hasany. Beliau memaklumkan program Usrah sangat bagus dan memberi banyak ilmu Islam serta isu-isu semasa berkaitan dengan umat Islam dibincangkan. Ianya amat berguna dalam menambahkan cakrawala pemikiran pelajar. Ketika berbicara tentang masalah yang dihadapi adalah tiadanya jadual waktu yang tetap sebagai contoh pada Jumaat malam (8 April 2011) Usrah tiba-tiba diganti dengan Usrah Perdana di surau kerana ramai pelajar yang balik kampung serta ada lawatan dari sekolah lain ke SAM Bestari. Padahal sebahagian daripada ahli telah bersedia dengan bahan yang ingin dibentang sesuai dengan tugasan yang diberikan pada Usrah minggu sebelumnya. Ianya menimbulkan kekecewaan. Pemakluman hanya diberitahu selepas solat Maghrib pada hari yang sama iaitu pada waktu Usrah akan bermula.<sup>133</sup>

Manakala Muhammad Akmal bin Badrul Din memaklumkan beliau memaklumkan melalui program Usrah yang dijalankan membuat dirinya rapat dan mengenali sesama ahli dan naqib Usrah. Ini menambahkan lagi kenalan kerana biasa ahli Usrah terdiri dari tingkatan yang berbeza. Beliau memaklumkan terdapat banyak isu-isu semasa yang dibincangkan terutama jika ada Usrah gabungan yang membuat Usrah itu menyeronokkan serta tidak membosankan. Beliau menyatakan antara permasalahan lain yang terdapat dalam perjalanan Usrah ialah terdapat ahli Usrah

---

<sup>133</sup> Temubual dengan Muhammad Farhan bin Muhamad Hasany, pelajar Tingkatan 2 pada 15 April 2011

yang tidak hadir program Usrah walaupun jumlahnya sangat kecil. Ini terjadi kerana tidak adanya pemantauan dari pihak sekolah serta tiada tindakan yang diambil terhadap pelajar yang malas dan ponteng Usrah.<sup>134</sup>

#### **4.6. Kesimpulan**

Kesimpulannya, masalah dalam program Usrah di SAM Bestari terbahagi kepada tiga:

##### **i. Masalah Pengurusan Usrah**

Pengkaji melihat pihak pengurusan iaitu guru-guru yang diberi tugas untuk mengendalikan Usrah pelajar kurang memberi komitmen. Pengkaji tidak melihat pemantauan yang dilaksanakan oleh guru-guru penasihat ketika Usrah berlangsung. Kurangnya pemantauan dilihat berpunca daripada tempat tinggal guru yang jauh dari sekolah selain kepenatan mengajar pada waktu persekolahan. Selain itu dengan dilantiknya pihak konsultan Paksi Training, para guru beranggapan semua perkara berkaitan perjalanan dan pemantauan program Usrah sepenuhnya diserahkan kepada konsultan yang dilantik.

---

<sup>134</sup> Temubual dengan Akmal bin Badrul Din, pelajar Tingkatan 2 pada 15 April 2011

## **ii. Masalah Naqib dan Naqibah Usrah**

Permasalahan naqib adalah mereka keletihan kerana usrah diadakan pada waktu malam. Ini kerana pada waktu pagi dan petang hari yang sama dengan program Usrah mereka perlu menghadiri kelas serta menjalani aktiviti ko korikulum. Manakala latihan yang dibekalkan sekali dalam setahun kurang mengcukupi selain tiadanya pemantauan dan sokongan oleh guru-guru mereka pada waktu Usrah berlangsung.

## **iii. Masalah Ahli Usrah**

Terdapat ahli usrah yang ponteng kerana tidak adanya pemantauan daripada guru mereka. Selain itu mereka juga merasa bosan kerana tempat Usrah yang sama sepanjang tahun. Selain itu jadual Usrah yang berubah pada saat-saat akhir amat dikesalkan oleh mereka.

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP**

#### **5.1. Pengenalan**

Bab ini mengandungi rumusan keseluruhan kajian mengenai amalan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya dan masalah yang dihadapi dalam mengendalikan program tersebut. Bab ini diakhiri dengan saranan dan cadangan kepada pihak Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya bagi mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi perancangan dan amalan program Usrah kepada pelajar. Juga bagi memperkasakan lagi naqib dan naqibah agar matlamat dan objektif perlaksanaan program Usrah tercapai dengan jayanya.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS selepas ini perlu melaksanakan tindakan seterusnya untuk menilai semula segala aspek berkaitan program Usrah di SAM JAIS terutama modul dan perlaksanaanya kerana tahun 2012 ini telah genap sepuluh tahun program Usrah dilaksanakan.

#### **5.2. Rumusan**

Berdasarkan kepada dapatan dan hasil kajian yang telah dijalankan, secara ringkasnya dapat dirumuskan seperti berikut;

### **5.2.1. Sejarah Program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor**

Melalui kajian yang dijalankan ini, pengkaji mendapati sejarah program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya bermula dengan perancangan awal dan bersistematik oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam negeri Selangor. Beberapa kali bengkel diadakan bermula dari tarikh 28 Februari 2002 sehingga modul Usrah yang dibengkelkan dapat dicetak pada 15 Oktober 2003 dan telah diedarkan kepada semua Sekolah Agama Menengah JAIS.

Program Usrah sepatutnya dikendalikan oleh pihak BADAR sekolah tetapi hasil kajian mendapati ianya tidak terlaksana di SAM Bestari akibat kekangan masa guru yang mana lebih tertumpu kepada bidang pengajaran di kelas. Selain itu jarak rumah guru dari sekolah dan perjalanan program Usrah pada waktu malam memberi kesukaran kepada guru untuk turut terlibat langsung dalam program Usrah di sekolah.

Walau bagaimanapun, pihak sekolah dan BADAR telah melantik syarikat Paksi Training untuk menguruskan perjalanan program Usrah dengan kerjasama alumni SAM Bestari. Pihak BADAR tetap mengadakan pemantauan tetapi tidak berkala.

### **5.2.2. Bentuk amalan dan perjalanan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya**

Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa perjalanan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari berjalan dengan baik serta terbukti memberi manfaat yang sangat berguna kepada para pelajar sama ada mereka itu sebagai naqib ataupun ahli Usrah. Kumpulan Usrah ini dipimpin oleh nuqaba yang terdiri daripada pelajar sekolah tingkatan empat dan lima manakala ahli dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

Hasil daripada mengikuti program Usrah ini adalah pelajar yang dididik akan mempunyai sahsiah dan akhlak terpuji sebagaimana yang telah diajarkan melalui modul program Usrah. Pelajar juga turut mencapai keputusan akademik yang cemerlang di dalam peperiksaan PMR dan SPM sama ada di peringkat negeri dan kebangsaan.

Walaupun program Usrah dilaksanakan seminggu sekali dan ketika waktu malam pula dengan tempoh yang singkat namun kerana modul yang sesuai dan ianya dijalankan secara berkala, kini pelajar SAM Bestari mempunyai keseimbangan dari segi sahsiah dan akademik. Mereka juga terhindar daripada terlibat atau terjerumus ke lembah maksiat atau gejala sosial kerana telah mempunyai ilmu keislaman menyeluruh yang boleh menjadi benteng di dalam kehidupan mereka.

Amalan Usrah yang diterapkan juga sesuai dengan teori Usrah yang dikemukakan dalam bab dua kajian ini. Ianya turut diamalkan oleh banyak

pihak. Kajian ini juga berjaya merungkai dan memperjelaskan banyak perkara, khususnya berkaitan dengan bentuk amalan dan perjalanan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor.

### **5.2.3. Masalah yang dihadapi di dalam amalan program Usrah**

Sesuatu program yang dilaksanakan pasti terdapat permasalahan yang timbul semasa perjalannya. Dalam kajian ini, permasalahan yang dijumpai oleh pengkaji dapat dikategorikan sebagai masalah teknikal seperti kurangnya pemantauan dan penglibatan guru-guru semasa program Usrah dijalankan sehingga ada pelajar yang tidak menghadiri program Usrah.

Selain itu kurangnya latihan yang dibekalkan kepada naqib dan naqibah membuat para nuqaba merasa kurang keyakinan diri dalam mengetuai kumpulan Usrah terutama kepada mereka yang baru pertama kali dilantik sebagai nuqaba.

Faktor tidak konsistennya jadual program Usrah dan masa yang kurang sesuai iaitu pada sebelah malam menjadi boleh menjadi penyebab tidak tercapainya objektif yang ingin melalui amalan Usrah secara sempurna. Perkara ini perlu dilihat kembali bagi memperkasakan program Usrah itu sendiri.

Satu perbincangan atau bengkel pemurnian silibus Usrah pada peringkat Bahagian Pendidikan Islam JAIS perlu diadakan bagi menilai semula perjalanan Usrah termasuk membincangkan dan mencari cara bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul ke arah memperkasakan lagi amalan program Usrah.

### **5.3. Saran**

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak tertentu untuk melaksanakan atau mempertimbangkan bagi mengatur strategi dan membuat penambahbaikan pada program yang sedia ada.

#### **5.3.1. Saran kepada Bahagian Pendidikan Islam (JAIS dan JAPIM) Negeri Selangor serta Pengetua Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya.**

Berikut adalah beberapa sasaran dan cadangan;

- i. Kajian mendapati guru-guru yang terlibat dengan Usrah jarang memantau dan bersama pelajar ketika program Usrah dijalankan. Keadaan ini berpunca dari kepenatan guru dengan padatnya waktu pengajaran. Maka dicadangkan pihak sekolah dapat mengurangkan jam pengajaran kepada guru-guru yang terlibat dengan program Usrah pelajar agar mereka mempunyai masa bagi memantau serta bersama dengan naqib dan naqibah ketika program Usrah dijalankan

- ii. Berdasarkan hasil kajian, naqib dan naqibah serta ahli usrah merasa kepenatan dan hilang tumpuan ketika Usrah dijalankan kerana mereka telah mengikuti kelas pada waktu pagi dan juga aktiviti ko-korikulum pada petangnya. Maka dicadangkan pihak sekolah mempertimbangkan waktu perlaksanaan Usrah selain daripada waktu malam di hari persekolahan. Perkara ini juga akan memberi pilihan kepada pelajar untuk memilih tempat Usrah yang sesuai memandangkan tempat Usrah ketika waktu malam adalah terhad
  
- iii. Kajian juga turut mendapati peranan naqib dan naqibah adalah sangat penting sebagai faktor kejayaan program Usrah maka dicadangkan pihak sekolah dapat mengadakan malam penghargaan kepada mereka setiap tahun serta keistimewaan lain yang difikirkan sesuai. Selain itu latihan yang hanya setahun sekali disediakan perlu ditambah mengikut keperluan nuqaba

### **5.3.2. Saranan kepada guru-guru BADAR yang terlibat dengan program Usrah pelajar**

Berikut adalah beberapa sasaran dan cadangan;

- i. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan mendapati naqib dan naqibah memerlukan guru-guru berada bersama mereka

ketika Usrah dijalankan bagi memberi semangat serta ada dikalangan mereka belum bersedia sebagai naqib dan naqibah sepenuhnya. Selain itu didapati terdapat naqib dan naqibah serta ahli yang tidak hadir ke program Usrah kerana tiadanya pemantauan oleh pihak guru dan perjalanan Usrah sepenuhnya diserahkan kepada pihak Paksi Training

- ii. Kajian mendapati pelajar memerlukan kepada satu jadual Usrah yang lengkap dan tidak berubah-ubah. Dicadangkan pihak sekolah dapat menyusun jadual yang lebih sistematik serta diedarkan kepada semua pelajar sebagai panduan serta tiada pembatalan program Usrah secara tiba-tiba. Ianya dapat mengganggu minat pelajar terhadap program Usrah itu sendiri
- iii. Daripada kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa masalah di dalam amalan program Usrah, maka dicadangkan mengadakan satu kajian soal selidik bagi mengenal pasti punca masalah secara keseluruhan bagi menjamin keberkesanan program Usrah serta mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan
- iv. Hasil kajian mendapati bahawa naqib dan naqibah merasakan hanya satu latihan yang dibekalkan kepada mereka dalam setahun adalah tidak mengcukupi. Oleh itu dicadangkan agar latihan kepada naqib dan naqibah diadakan lebih daripada

sekali dalam setahun serta mengikut keperluan mereka berdasarkan kajian soal selidik yang dijalankan.

#### **5.4. Penutup**

Sebagai kesimpulan, hasil kajian yang diperolehi dapat dirumuskan kepada tiga bahagian, iaitu kajian yang dijalankan membolehkan pengkaji mengetahui sejarah amalan program Usrah serta mengenal pasti bentuk amalan dan perjalanan program Usrah di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor. Kajian ini juga telah mengenal pasti masalah yang dihadapi ketika mengendalikan program Usrah dan seterusnya saranan dapat dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan yang sewajarnya.

## BIBLIOGRAFI

Ab. Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abd. Rachman Shaleh (1969), *Didaktik Pendidikan Agama di Sekolah Dasar dan Petunjuk-petunjuk Mengadjar Bagi Guru Agama*. Bandung: Penerbit Peladjar.

Abdul Halim El-Muhammady (1983), *Membina Generasi Muslim*. Kuala Lumpur: Madama Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ (1994), *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.

Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Razak Ahmad (2005), *Mahasiswa Abad 21*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Ghafar Taib (2005), *Bersama Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Kenanga.

Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Nashih Ulwan (1990), *Pendidikan Anak Menurut Islam; Pendidikan Sosial Remaja*. Khalilullah Ahmad Masjkur Hakim (terj.). Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

Abu Sufian Ab. Ghani (2004), *Pembinaan Peradaban Ummah: Pemikiran dan Pendekatan Hasan al-Banna*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya .

Abu Urwah (1990), *Risalah Usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

\_\_\_\_\_ (1999), *Konsep-konsep Umum Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abu Zahari Abu Bakar (1984), *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti .

Ahmad Azam Abdul Rahman (2002), *Perbaru Ukhuvvah, Perteguh Wahdatul Ummah*. Kuala Lumpur: ABIM.

Afzalur Rahman (1992), *Ensiklopedia Sirah, Sunnah, Dakwah dan Islam*. Zaharah Salleh (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ali Abdul Halim Mahmud (2005), *Perangkat-perangkat Tarbiyah Ihkwanul Muslimin*. Wahid Ahmadi (terj.) Solo: Era Intermedia.

Al- Ramaiah (1992), *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

Amir Awang (1984), *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Amran Kasimin (1993), *Masalah Sosial Dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi Yahaya et al. (2006), *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: Pencetakan Zafar Sdn. Bhd.

Burhanundin Abdullah (2006), *Kaunseling Rakan Sebaya di Institusi Pengajian Tinggi*, dalam buku *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, disunting oleh Fariza Md.

Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek, Othman Hj. Talib. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Daniel Zainal Abidin (2011), *7 Formula Individu Cemerlang*. Selangor: PTS Millenia.

Farid Muliana (2004), *Super Mentoring Junior*. Bandung: PT Syamil Cipta Media.

Fathi Yakan (2001), *Membentuk Fikrah dan Visi Gerakan Islam*. Jakarta: Robbani Press.

\_\_\_\_\_ (1988), *Bahtera Penyelamat Dalam Kehidupan Pendakwah*, terj. Abdul Ghani Shamsuddin. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hassan al-Banna (2003), *Himpunan Risalah Imam Hasan Al-Banna; Edisi Bahasa Melayu*, Salehah bin Ayub (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Hasan Langgulung (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 2*. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.

Hussain Muhammad Ali Jabir (2001), *Menuju Jama'atul Muslimin: Telaah Sistem Jama'ah Dalam Gerakan Islam*, Nunur Rafiq Shaleh Tamhid (terj.). Jakarta: Robbani Press.

Idris Ahmad (2005), *Panduan Usrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.

\_\_\_\_\_ (2005), *Teks Usrah Jilid 1(Peringkat Pengenalan)*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.

\_\_\_\_\_ (2005), *Panduan Usrah dan Gerakan Islam*. Kuala Lumpur: Sarjana Media

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Overview*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_ (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Idris Awang et al. (2006), *Buku Panduan Pengkajian Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ikatan Muslimin Malaysia (2006), *Modul Usrah Keluarga*. Kuala Lumpur: Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

Imam Bernadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP.

Irwan Prayitno (2003), *Kepribadian Muslim*. Bekasi: Pustaka Tarbiatuna.

J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan, Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin Rakhmat (2005), *Metode Penelitian Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

Jariah Mohd. Jan et al. (2003) *Garis Panduan Pengkajian Laporan Penyelidikan, Disertasi dan Tesis 2003*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya.

Koentjaraningrat (1997), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (2011), *Usrah Siri 1 – 4; Menjana Mahasiswa Muttaqi*. Bangi: KUIS.

Lexy J. Moleong (2004), *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

M. Natsir (1989), *Fiqhud Da'wah*. Jakarta: Media Da'wah.

Mohd. Nasir Jaafar dan Hamidi Abd. Hamid (1989), *Usrah Pelajar*. Kuala Lumpur: Terbitan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).

Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Ibrahim (2010), *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muhammad Quthb (1988), *Sistem Pendidikan Islam*. Salman Harun (terj.). Bandung: PT Al-Ma'rif.

Muhammad Ruswandi (2005), *Games For Islamic Mentoring*. Bandung: PT Syamil Cipta Media.

Nik Othman Nik Yaakub (1996), *Panduan Pelajar*. Kuala Lumpur: Maktab Adabi Gaya Pos.

Novi Hardian (2005), *Super Mentoring Senior*. Bandung: PT Syamil Cipta Media

Nugroho Widiantoro (2005), *Panduan Dakwah Sekolah*. Bandung: PT Syamil Cipta Media.

Rafi'udin dan Maman Abdul Djaliel (1997), *Prinsip dan Strategi Dakwah*. Bandung: Pustaka Setia

Robiah Sidin (1994), *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Selangor: Ummah Media.

Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Malaysia: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Sa'id Hawwa (t.t.), *Membina Angkatan Mujahid*. Abu Ridha (terj.). Jakarta: Al-Ishlahy Press.

Sahilun A. Nasir (1999), *Peranan Pendidikan Agama Terhadap Pemecahan Problema Remaja*. Jakarta: Kalam Mulia.

Samsudin A. Rahim; editor (2007), *Jelajah Belia*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).

Sufean Hussin (1993), *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman Ibrahim (2000), *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Syed Omar Syed Agil dan Salina Hj Zainol; editor (1994), *Islam dan Cabaran Era Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kafahaman Malaysia (IKIM).

Taufik Yusuf al-Wa'iy (2006), *Al-Quduratu Adz-Dhahniyatū Wadz Dzatiyatū lil Murabbi Wa-Da'iyyati*. Syarifuddin Ridwan (terj.). Jakarta: Al-I'tishom Cahaya Umat.

Thobieb al-Asyar (2007), *Fikih Gaul*. Bandung: PT Syaamil Cipta Media.

Unit Hal Ehwal Pelajar (2003), *Teks Usrah Sekolah Agama Menengah, JAIS; Tingkatan 4 dan 5*. Shah Alam: Jabatan Agama Islam negeri Selangor.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ya'qub Muhammad Hussin (2001), *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Yusuf al-Qardhawy (1999), *Anatomi Masyarakat Islam*. Setiawan Budi Utomo (terj.). Jakarta: Pustaka al-Kausar.

\_\_\_\_\_ (1986), *Sistem Pendidikan Ikhwanul Muslimin*. Moh. Nabhan Husein (terj.). Johor Bharu: Thinker's Libraray Sdn. Bhd.

Zawawi Hj. Ahmad (1984), *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Petaling Jaya: Internasional Book Servise.

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2007), *Himpunan Hadis Modal Insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ (2007), *Himpunan Hadil Modal Indan 2*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

## **RUJUKAN KERTAS KERJA, DISERTASI DAN TESIS**

Abdul Rahman Suratmin (1999), *Masalah Disiplin Pelajar Remaja: Satu Kajian Kes Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjong Karang, Selangor*. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Amir Hamzah bin Abdul (1996), *Analisis Keperluan Latihan Naqib dan Naqibah ke arah Keberkesanan Program Usrah di Maktab Perguruan Islam*. Kertas projek penyelidikan Sarjana Sains Universiti Putra Malaysia.

Madiha binti Mustafar (1998), *Usrah sebagai Pendekatan Kaunseling Kelompok*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohamad Rabeh bin Abdullah (2000), *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum al-Azhar di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Selangor*. Disertasi Sarjana Universiti Malaya.

Khairiah binti Abdullah (2001), *Aktiviti Usrah: Satu Kajian di kalangan Pelajar-pelajar di Universiti Malaya*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Lai Poh Guat “*Masalah Sosial di Negeri Selangor dan Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat*”, Kertas Kerja Seminar Menangani Masalah Jenayah Negeri Selangor 2002, anjuran Kerajaan N. Selangor dan INMIND 11-12 Julai, Shah Alam.

Shariful bin Kamaruddin (2005), *Peranan Pendidikan dalam Pertumbuhan dan Perkembangan Peradaban Melayu Zaman Penjajah*. Disertasi Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Siti Khairiah binti Parmin (2002), *Al Naqib dalam al Quran: Kajian terhadap perlaksanaan Usrah Persatuan Mahasiswa Islam, UM*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Suhanim Binti Abdullah (2001), *Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu: Satu Analisis*. Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

## **RUJUKAN DARIPADA LAMAN WEB**

<http://www.utusan.com.my/utusan>

<http://www.media.isnet.org/islam>

<http://www.tutor.com.my/>

[http://www.hmetro.com.my/Current\\_News/HM/Sunday/Tabib/20050911130928/Article  
Article/pp\\_index.html](http://www.hmetro.com.my/Current_News/HM/Sunday/Tabib/20050911130928/Article/pp_index.html)

[www.jais.net](http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en)

[http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en](http://pendidikan.jais.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=700%3Asam-Bestari-sekolah-kluster-kecemerlangan&catid=1&lang=en)

## **TEMU BUAL**

Temubual dengan Ustaz Solekhan bin Roup, Penolong Pengarah Pendidikan, Unit Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007

Temubual dengan Ustaz Hj. Mohd Rabeh Bin Abdullah Penolong Pengarah Kanan Penolong Pengarah Kanan, Sektor Naziran, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor pada 5 September 2007

Temubual dengan Pn. Hjh. Saadah binti Bahruddin, Pengetua Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008

Temubual dengan Ustaz Zaidi bin Masri, Pengurus BADAR Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 Februari 2008

Temubual dengan Ustaz Mohamad Zaki bin Hamid, Pegawai Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Negeri Selangor pada 13 Februari 2009

Temubual dengan Hanizan Mohd Ishak, fasilitator Paksi Training pada 15 Februari 2008

Temubual dengan Khairul Ikhwan bin Abd. Rahim, Naqib Usrah dari Tingkatan 5 Al-Jabar, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

Temubual dengan Muhd Akmal Fathi bin Mohamad Asri, Naqib Usrah dari Tingkatan 5 Ibn Sina, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

Temubual dengan Muhammad Syukri bin Hasmer Sham, Naqib Usrah dari tingkatan 5 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

Temubual dengan Wan Saera Najwa binti Wan Samsudin dari tingkatan 5 Al-Kindi Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

Temubual dengan Khaulah binti Norazam daripada tingkatan 4 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

Temubual dengan Hanis Amalina binti Ismail daripada tingkatan 5 Al-Biruni, Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya pada 13 April 2011

Temubual dengan Muhammad Farhan bin Muhamad Hasany, pelajar Tingkatan 2 pada 15 April 2011

Temubual dengan Akmal bin Badrul Din, pelajar Tingkatan 2 pada 15 April 2011